

Buletin UNISZA

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2014 | BIL 14



Hospital Pengajar UniSZA

Landskap baru
perubatan Pantai Timur
- Dato' Sri Najib Razak



Pengurusan Tertinggi

Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Pembangunan)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said
Penolong Naib Canselor

En. Nordin Jusoh
Pendaftar

Pn. Ariza Ibrahim
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff bd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Sidang Pengarang

Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim
Penerbit UniSZA

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Penataran Ilmu

Dr. Nalini a/p Arumugam
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohamad Hafis mat Simin
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Safuwan Amir Mohd Saidi
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

En. Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Pusat Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Cik Siti Naqiah Saad
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
3. Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan
4. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
5. Pusat Islam
6. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)
7. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI)
8. Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
9. Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar
10. Pusat Jaringan Industri dan Komuniti
11. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA
12. Unit Audit Dalam
13. Argopolis UniSZA
14. Prof. Dr. Ridhuan Tee Abdullah, Felo Penyelidik INSPIRE
15. Pn. Syaripah Nur Mursalina Syed Azmy, Pensyarah FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2014. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin. Hak Cipta © 2014

Pengarah, Penerbit UniSZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 8774/8775 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



HOSPITAL UnisZA

Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	8
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	10
Tokoh	13
Rencana	17
Pencapaian	24
UnisZA Bersama Komuniti Setempat	32
UnisZA dan Hubungan Antarabangsa	38
Sukan dan Ko-Kurikulum	40
Am	41



Perdana Menteri Rasmi Majlis Pecah Tanah Hospital Pengajar UniSZA

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan majlis pecah tanah bagi projek pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Kampus Gong Badak pada 18 September 2014.

Perdana Menteri tiba di UniSZA Kampus Gong Badak kira-kira jam 2.30 petang dengan diiringi Menteri Besar, Dato' Ahmad Razif Abdul Rahman, Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh, Speaker Dun, Dato' Mohd Zubir Embong dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, majlis itu amat bermakna dan menandakan permulaan pembinaan Hospital Pengajar UniSZA yang bakal menjadi mercu tanda baharu kepada Terengganu dan UniSZA khususnya.

Katanya lagi, pembinaan hospital itu memberi makna kepadanya selaku Perdana Menteri bagi merealisasikan hasrat dan titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Bagi pihak kerajaan, dengan segala hormat dan penuh takzim mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan terhadap kesegeraan pelaksanaan projek," katanya.

Menurutnya lagi, sebanyak 200 katil akan ditambah bagi fasa kedua projek pembinaan Hospital Pengajar UniSZA menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 400 buah katil.

"Bagi fasa pertama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), hospital berkenaan akan menyediakan 200 katil.

Saya difahamkan bahawa nisbah bilangan katil kepada jumlah penduduk bagi negeri Terengganu adalah 1:837 berbanding nisbah di Lembah Klang 1:232; Pulau Pinang 1:349; Johor 1:473; dan nisbah kebangsaan 1:496," katanya.

Beliau berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menetapkan nisbah sekitar 1:400 sebagai yang terbaik.

"Realiti ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan jumlah bilangan katil hospital di Terengganu dan hospital pengajar UniSZA adalah satu inisiatif kerajaan untuk mensejahterakan kesihatan awam," katanya.

"Malah, saya yakin penubuhan Hospital Pengajar UniSZA bukan sekadar menawarkan khidmat perubatan malah merangsang ekonomi setempat untuk memberikan kesejahteraan sosial kepada rakyat keseluruhannya," katanya pada ucapan perasmian majlis berkenaan.

Hospital Pengajar UniSZA yang menelan kos pembinaan RM600 juta dibina di atas tapak berkeluasan 20.2 hektar dan dijangka siap pada akhir tahun 2017.

Menurut beliau, hospital itu akan berupaya memenuhi keperluan tenaga pakar dan pelatih perubatan yang semakin meningkat ekoran kekurangan kemudahan di bawah kendalian Kementerian Kesihatan ketika ini.

Menurutnya, persetujuan Kerajaan Pusat melaksanakan projek pembinaan Hospital Pengajar UniSZA itu turut mengambil kira pencapaian dan kecemerlangan warga universiti berkenaan sama ada di

peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Saya difahamkan bahawa bukan sahaja bilangan pelajar UniSZA telah bertambah tetapi di peringkat kebangsaan, universiti ini juga mendapat penarafan lima bintang daripada Kementerian Kesihatan bagi menilai kesediaan dalam pembekalan data berkualiti tinggi.

"Di peringkat antarabangsa pula, UniSZA berjaya meraih lima pingat iaitu dua emas, dua perak dan satu gangsa dalam *International Exhibition of Invention of Geneva 2014*.

Perdana Menteri seterusnya berkata, selain itu, UniSZA juga terus merangkul kejayaan menerusi empat pelajarinya dari Fakulti Informatik dan Komputeran yang meraih pingat emas selaku pencipta kelas pertama dalam satu pertandingan yang diadakan di Korea Selatan tahun lalu.

Beliau percaya dengan kejayaan yang dicapai itu mampu memberi perangsang dan semangat kepada UniSZA untuk terus melakar kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Datuk Seri Najib juga mengimbuai kembali detik beliau merasmikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UniSZA di Kampus Kota sewaktu beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 9 Januari 2009 lalu.

"Saya difahamkan fakulti yang menjadi tunjang kepada penubuhan Hospital Pengajar UniSZA ini telah berjaya melahirkan graduan sulung seramai 28 orang doktor perubatan tahun ini," jelasnya.

Sementara itu, Menteri Besar, Dato' Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, pembinaan Hospital Pengajar UniSZA akan membuka lembaran baharu dalam sektor pendidikan sains kesihatan di Terengganu.

"Ketika ini, Terengganu hanya mempunyai satu sahaja hospital pakar lengkap iaitu Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) yang turut menjadi tempat latihan klinikal utama pelajar perubatan.

Keadaan di HSNZ agak sesak kerana pertambahan pengambilan pelajar perubatan dan sains kesihatan setiap tahun menyebabkan tempat latihan klinikal sangat terhad dan kritikal antaranya dari UniSZA, Kolej Islam Sains dan Teknologi dan Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya (UCSI).

Malah, keperluan Terengganu untuk memiliki sebuah hospital baharu adalah amat mendesak dan ini mengakibatkan proses penyampaian pengajaran serta pembelajaran semasa latihan tidak menepati keperluan yang ditetapkan oleh *Malaysia Quality Assurance (MQA)*," katanya.

Menurut Datuk Ahmad Razif lagi, hospital itu akan menjadi teras kegemilangan ke arah usaha melahirkan lebih ramai pakar perubatan selain penanda aras penting untuk perancangan penjagaan kesihatan negara yang sangat dititikberatkan oleh kerajaan sejak merdeka.

Selaras dengan itu katanya, kerajaan negeri Terengganu berharap dapat mewujudkan hospital yang patuh syariah dengan doktor wanita hanya merawat pesakit wanita dan doktor lelaki merawat pesakit lelaki.

Melalui penubuhan hospital pengajar itu, UniSZA menjadi institusi pengajian tinggi keempat di negara ini yang mempunyai hospital perubatan selepas Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

Pada majlis itu, kira-kira 15,000 tetamu hadir dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, para pelajar serta penduduk setempat.





Simposium Antarabangsa Produk Ketamadunan Islam (ISPIC 2014)

Kemajuan tamadun Islam yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. tidak dapat dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin lain. Tamadun Islam telah menghasilkan dan membangunkan pelbagai produk yang bermanfaat bagi kegunaan manusia di seluruh dunia meliputi segala aspek termasuklah dari segi pendidikan, perbankan, kewangan, insurans, perubatan, reka bentuk, persekitaran, seni bina, makanan, minuman, pelancongan dan sebagainya. Islam amat menekankan aspek kerohanian dalam mencapai kemajuan yang lengkap dan sempurna. Seiring dengan kemajuan tersebut, pihak Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) telah diberi amanah untuk menganjurkan Simposium Antarabangsa Produk Ketamadunan Islam (ISPIC) pada 18

September 2014 bertempat di Dewan Perdana, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Simposium ini dianjurkan sebagai platform perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh yang hebat dan pertukaran idea untuk meningkatkan kualiti produk berasaskan Islam. Antara tujuan lain penganjurannya adalah untuk melihat keadaan semasa jumlah produktiviti dan pengeluaran produk berasaskan Islam serta mengkaji cara penambahbaikan produk dari segi saintifik dan akademik di peringkat tempatan dan antarabangsa. Seramai lebih 380 peserta tempatan dan luar negara telah mengambil bahagian dalam simposium ini.

Simposium ini telah dirasmikan oleh Pro-Canselor UniSZA, Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Yusof Haji Mohamed Nor.

"Kita perlu bergerak selangkah ke hadapan untuk menjadi perintis yang menegakkan keagungan tamadun Islam", kata beliau yang turut menjelaskan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memperkasa produk Islam melalui sistem pendidikan, ekonomi dan perbankan serta sistem pengurusan haji.

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan Malaysia amat berharap untuk mencapai kejayaan besar dalam dua perkara iaitu pengiktirafan sebagai hab kewangan Islam dan juga sebagai hab halal di peringkat antarabangsa.





Antara tokoh utama yang dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam simposium ini ialah Ahli Panel Jawatankuasa Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE), Prof. Dr. Mohamed al-Zuhayli, Pengarah Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI), Dr. Ahmed Iskanderani dan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Tan Sri Muhammad Ali Hashim. Turut dijemput ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Dato' Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-Jeddah, Dato' Dr. Ghazali Md. Nor, Felo Utama Institut Islam Hadhari, Prof. Dr. Abdul Latif Samian dan Pengurus Besar QSR Brands Sdn. Bhd., Encik Mohd Roslan Mohd Saludin.

Aktiviti lain yang turut diadakan sempena simposium ini antaranya ialah pameran buku, seni khat dan pameran statik serta video montaj sejarah penubuhan KUSZA-UDM-UniSZA. Turut diadakan ialah sesi pelancaran tujuh buah buku yang ditulis oleh pakar-pakar dari UniSZA.

Program ini mampu memberi pendedahan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa tentang keistimewaan produk dan ketamadunan Islam. Penganjuran program sebegini amat penting untuk diteruskan agar kita dapat mengenali keindahan Islam selari dengan kemajuan zaman.





Malaysia Martabat Keagungan Islam

Pada 18 September 2014, Pro Canselor UniSZA, Tan Sri Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Mohamed Nor telah menyampaikan ucapan perasmian sempena Simposium Antarabangsa Produk Ketamadunan Islam. Ucapan beliau adalah berdasarkan pendekatan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam memartabatkan keagungan Islam di mata dunia. Seramai lebih daripada 380 orang peserta tempatan dan luar negara menghadiri simposium tersebut yang dijalankan di Dewan Perdana, UniSZA. Antara tokoh utama yang turut dijemput sebagai penceramah ialah Ahli Panel Jawatankuasa Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE), Prof. Dr. Mohamed al-Zuhayli, Pengarah Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI) Bank Pembangunan Islam (IDB), Dr. Ahmed Iskanderani dan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Tan Sri Muhammad Ali Hashim. Turut dijemput juga ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Dato' Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-Jeddah, Dato' Dr. Ghazali Md. Nor, Felo Utama Institut Islam Hadhari, Prof. Dr. Abdul Latif Samian dan Pengurus Besar QSR Brands Sdn. Bhd., Encik Mohd Roslan Mohd Saludin.

Beliau telah memulakan ucapan dengan merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas peluang untuk bersama-sama berkumpul dalam simposium tersebut. Ucapan beliau mengulas kepada beberapa perkara iaitu sistem pentadbiran negara khususnya berkenaan hal ehwal Islam, sistem ekonomi dan kewangan Islam, pembangunan modal insan melalui pendidikan dan harapan negara dalam mengembalikan kegemilangan Islam. Ini jelas melalui ucapan beliau yang berbangga dengan kesungguhan kerajaan Malaysia dalam

menegakkan agama Islam melalui Perlembagaan Malaysia yang sistematik dan komprehensif. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diberi mandat selaku agensi yang bertanggungjawab dalam menyusun atur polisi berkaitan hal ehwal Islam di peringkat kebangsaan. Ini turut disertakan dengan penubuhan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab dalam memperkasa Islam sebagai agama rasmi negara seperti Majlis Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa Fatwa Negeri dan sebagainya.


Seterusnya beliau berkongsi tentang kejayaan pengurusan Lembaga Tabung Haji Malaysia yang telah diiktiraf sebagai badan pengurusan haji yang terbaik oleh kerajaan Arab Saudi. Menurut beliau, simpanan deposit oleh rakyat Malaysia telah mencecah RM45.8 bilion bermula dari tahun penubuhannya pada 1969 sehingga tahun 2013.

Beliau juga menjelaskan amalan dua sistem kewangan terutamanya amalan sistem kewangan Islam di Malaysia telah



mengembangkan ekonomi negara. Penubuhan Bank Islam Malaysia pada 1983 telah mengubah landskap sistem kewangan negara dengan memberikan pilihan amalan kewangan Islam kepada para pengguna. Selanjutnya, beliau juga menambah bahawa jumlah sukuk Malaysia adalah sebanyak RM523.64 bilion meliputi 59 peratus pasaran dunia. Bahkan kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dalam memastikan keberkesanan penggunaan kontrak Islam yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk kaedah pemindahan dan perkongsian risiko.

Beliau juga menekankan pendekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menyediakan sistem pendidikan bagi membangunkan modal insan sejajar dengan kehendak Islam. Bahkan kerajaan telah menyediakan pendidikan awal sehingga ke peringkat pendidikan tinggi kepada rakyat. Pelbagai institut pendidikan tinggi telah ditubuhkan bagi menjayakan dasar ini seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah menjalankan program berasaskan pengetahuan Islam.



Beliau dalam ucapannya juga berharap agar Malaysia dapat mengambil peranan dalam tiga aspek iaitu inovasi teknologi kejuruteraan, memperbaiki imej Islam di mata dunia dan mengamalkan sikap terbuka, rasional serta bersedia untuk berubah ke arah kebaikan. "Kita tidak harus lupa bahawa Islam telah mempelopori bidang teknologi kejuruteraan", ujar beliau mengingatkan peserta tentang kegemilangan tamadun Islam dahulu. Beliau juga menegaskan bahawa Malaysia perlu mengambil peluang dalam membangunkan teknologi yang boleh mengatasi masalah yang dihadapi manusia kini. Pembangunan kerohanian yang seiring dengan pembangunan materialistik dapat mencapai kemajuan yang lengkap dan sempurna seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Beliau juga menjelaskan pendekatan bersederhana 1Malaysia yang digagaskan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah bertujuan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum, budaya dan agama. Ini penting bagi memperbaiki imej umat Islam yang diserang dengan pelbagai tohmahan daripada masyarakat dunia terutamanya pihak barat yang menganggap umat Islam tidak berdaya saing, tidak stabil dan sebagainya.

Harapan Malaysia adalah bagi menjadi peneraju utama hab kewangan Islam dan halal. Ini jelas dengan penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) yang terkenal sebagai salah satu pameran terbesar peringkat antarabangsa bagi produk halal. Beliau juga berharap agar lebih banyak produk dan perkhidmatan tempatan mengamalkan penjenamaan produk berdasarkan syariah dan halal.

Beliau menamatkan ucapan dengan harapan agar simposium tersebut menjadi pemangkin bagi umat Islam dalam menghasilkan inovasi untuk mengembalikan kegemilangan dan kejayaan Islam.





Bengkel Pemantapan *Proposal Knowledge Transfer Programme*

Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNC) UniSA telah menganjurkan Bengkel Pemantapan *Proposal* bagi Permohonan Skim Geran Knowledge Transfer Programme-KTP 2014 pada 26 Ogos 2014, bertempat di Dewan Auditorium Akademik UniSA.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memurnikan dan meningkatkan kualiti kertas cadangan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor, Prof Dr. Kamaruddin Mohd Said. Seramai 60 orang ahli akademia UniSA hadir ke bengkel tersebut. Antara panel yang berkongsi pengalaman adalah Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said, Prof Dr. Mohd Noor A.Ghani dan Encik Wan Musa Wan Muda. Panel menekankan beberapa perkara seperti aspek keterlibatan ahli akademia dengan industri dan komuniti dalam meningkatkan produktiviti, efisiensi dan kemahiran.

FBK Terima Kunjungan Profesor Pelawat

Pada 22 September 2014, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menerima kunjungan Profesor Pelawat bagi Pusat Pengajian Bahasa Inggeris, iaitu Prof. Dr. Raja Maznah Raja Hussain. Sempena kedatangan beliau, tiga program telah diatur demi manfaat para pensyarah dan pelajar FBK khususnya.

Program pertama dimulai dengan syarahan akademik oleh beliau yang berlangsung di Dewan Gimnasium, UniSA. Dengan bertemakan *E-learning: A Potential Answer to the Learning Challenges in Malaysia*, syarahan tersebut telah dihadiri oleh staf akademik FBK dan jemputan luar, pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi (BEN), pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (BAS) dan pelajar Diploma TESL. Dalam syarahan tersebut, beliau memberi penerangan menarik mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengaplikasian *e-learning* di peringkat universiti. Sesi syarahan dilakukan secara interaktif dan dapat menarik perhatian para hadirin serta menjadikan syarahan tersebut lebih aktif serta bermanfaat. Pada akhir syarahan, beliau menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh para pelajar dan pensyarah. Ternyata pelajar berminat dengan isu yang disampaikan.

Program ini diteruskan lagi dengan sesi perkongsian mengenai rancangan penyelidikan antara Profesor Pelawat dengan staf akademik FBK. Pada sesi ini, Prof. Dr. Raja Maznah membicarakan isu-isu penting untuk memohon geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) atau mana-mana geran penyelidikan luar. Beliau menegaskan

betapa pentingnya memahami keperluan dan hala tuju geran tersebut sebelum membuat permohonan. Hal ini supaya penyelidik dapat memastikan kajian yang bakal dilakukan sehaluan dengan keperluan geran dan yang paling penting, permohonan tersebut berjaya diperolehi.

Program terakhir yang diadakan ialah sesi pertemuan dengan para pelajar pasca siswazah FBK. Sesi ini dihadiri oleh para pelajar dan penyelia masing-masing. Dalam sesi ini, para siswazah berkongsi maklumat mengenai penyelidikan yang sedang dan akan dilakukan. Melalui sesi ini, input dan komen yang diberikan dapat membantu mereka menjalankan penyelidikan dengan lebih baik.

Program sebegini dapat memberi manfaat kepada warga FBK dalam meneruskan usaha untuk memperbaiki mutu pengajaran dan penyelidikan supaya lebih mantap dan berdaya saing.



Akademia UniSZA Hasilkan Monograf

Monograf adalah sebutan lain untuk buku, dan digunakan bagi membezakan terbitan tersebut dengan terbitan bersiri. Monograf mempunyai satu atau sejumlah topik yang berkaitan, dan biasanya ditulis oleh seorang pengarang. Selain itu, monograf merupakan terbitan tunggal yang lengkap dalam satu jilid dan tidak mempunyai siri ataupun sambungan. Monograf mempersembahkan perbincangan dalam skop yang kecil, khusus dan mendalam tentang sesuatu topik.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam menghasilkan monograf, Penerbit UniSZA telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Monograf pada 20 Ogos 2014, bertempat di Pusat Kesenian dan Warisan, UniSZA. Bengkel yang dihadiri oleh lebih kurang 35 peserta yang terdiri daripada ahli akademik UniSZA menggariskan tiga objektif. Pertama, untuk membimbing para peserta menghasilkan monograf yang boleh diterbitkan; kedua, untuk memberi panduan kepada peserta tentang prinsip kebolehterbitan laporan penyelidikan ke monograf; dan ketiga, untuk memberi panduan dalam penyediaan monograf yang sistematik dan menyeluruh.

Dalam ucapan alu-aluan, Pengarah Penerbit UniSZA, Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh memaklumkan bahawa, penganjuran bengkel ini adalah salah satu usaha untuk menyahut saranan Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang ingin melihat hasil penyelidikan ahli akademik UniSZA diterbitkan dalam bentuk buku.

Penceramah dan fasilitator jemputan dari Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan memberikan penerangan secara terperinci tentang pengenalan, ciri-ciri penting dan kaedah penerbitan monograf. Beliau memaklumkan bahawa, konsep monograf berbeza daripada buku terutamanya dari segi pasaran. Buku mampu berada dalam pasaran yang lebih luas, melibatkan



rakan-rakan sebidang, pelajar dan orang awam, manakala monograf pula mempunyai pasaran yang lebih kecil yang hanya melibatkan rakan-rakan sebidang dan pelajar. Namun demikian, situasi ini bukan sesuatu yang pelik kerana skop perbincangan buku lebih luas berbanding skop perbincangan monograf.

Dalam bengkel ini, para peserta dilatih untuk mengembangkan Laporan Penyelidikan kepada monograf. Berdasarkan garis masa dan jadual gerak kerja yang diberikan, para peserta dikehendaki menyerahkan monograf yang dihasilkan kepada Penerbit UniSZA untuk diterbitkan.

Melalui usaha dan kerjasama daripada semua pihak, adalah bukan sesuatu yang mustahil, UniSZA bakal menghasilkan lebih banyak karya ilmiah yang berkualiti bagi meningkatkan imej dan peranan UniSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berwibawa.



51 Kertas Kerja Dibenteng dalam Seminar P&P Bahasa Arab

Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014 telah dianjurkan pada 14 September 2014 oleh Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA. Seminar yang bertempat di Blok Akademik, UniSZA Kampus Gong Badak ini disertai oleh para pensyarah, penyelidik, guru dan pelajar seluruh Malaysia. Sebanyak 51 kertas kerja telah dibentangkan berkaitan dengan kualiti guru, teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia serta pelbagai isu lain dalam bidang bahasa Arab.

Perasmian telah disempurnakan oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi. Objektif seminar ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan mengenengahkan pendekatan terkini dalam usaha memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa Arab di peringkat menengah dan pengajian tinggi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meneliti isu dan masalah yang dihadapi dalam P&P Bahasa Arab masa kini serta diskusi tentang kaedah penyelesaiannya.



Sesi pembentangan ucapnama seminar ini telah disampaikan oleh Profesor Pelawat FBK, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Dalam ucapnamanya, beliau memfokuskan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilaksanakan meliputi aspek asas kemahiran bahasa Arab dan lain-lain. Kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab berpunca daripada pelbagai faktor dan masalah ini perlu digalas serta diselesaikan oleh pihak yang berkaitan. Beliau juga mencadangkan beberapa idea untuk memperkasa para pendidik bahasa Arab di Malaysia dengan menubuhkan beberapa persatuan yang memperjuangkan hala tuju serta pemantapan bahasa Arab di Malaysia. Seminar ini juga membariskan empat pembentang utama, iaitu Prof. Madya Dr. Zamri Arifin (UKM), Prof. Madya Dr. Rosni Samah (USIM), Dr. Zulazhan Ab. Halim dan Dr. Zaid Ismail (UniSZA). Sesi pembentangan selari telah diadakan melibatkan enam tempat pembentangan. Seminar ini telah diakhiri dengan pembentangan solusi seminar yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zamri Arifin. Majlis penutup telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM iaitu Prof. Dr. Nasran Mohamad.

Kursus Auditan Pengurusan Kontrak Pembinaan

Pada 2 dan 3 September 2014, Unit Audit Dalam telah menganjurkan Kursus Auditan Pengurusan Kontrak Pembinaan di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA. Kursus ini dikendalikan oleh Penolong Pengarah Ukur Bahan, Puan Nurazaini Mokhtar dari Jabatan Audit Negara, Putrajaya dan Juruaudit Kanan, Encik Ibrahim Rapie dari Universiti Sains Malaysia. Seramai 38 peserta luar dan 14 peserta UniSZA telah menghadiri kursus ini. Kursus ini diadakan bertujuan untuk melengkapkan pengetahuan dan kemahiran pengauditan berkaitan pengurusan kontrak pembinaan selaras dengan saranan daripada Ketua Audit Negara supaya Audit Dalam IPTA melaksanakan auditan berkaitan pembinaan di universiti masing-masing. Penyertaan peserta kursus ini terdiri daripada kakitangan Audit Dalam IPTA, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri. Kursus ini turut



disertai oleh kakitangan UniSZA dari Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Bendahari, Unit Audit Dalam dan Jabatan Pengurusan Pembangunan.



Sejenak Bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad

Barangkali boleh dikongsikan apakah antara perkara utama yang telah diberi perhatian oleh Y.Bhg. Prof. dalam fasa pertama sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA?

Sebelum menjawab soalan, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penerbit UniSZA kerana memberi peluang kepada saya untuk berbicara dalam ruangan ini. Kedudukan saya sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA yang ketiga memerlukan saya menumpukan sepenuh perhatian serta berusaha untuk meneruskan agenda kecemerlangan transformasi pembangunan akademik yang telah diasaskan oleh mantan Timbalan-timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) iaitu Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad dan Prof. Dr. Amran Ahmed bagi melahirkan graduan UniSZA yang bukan sahaja mempunyai ilmu dalam bidang yang berkait, tetapi juga mempunyai keseimbangan rohani, emosi dan jasmani. Transformasi pembangunan akademik yang ingin dilaksanakan ialah bertujuan untuk melahirkan graduan UniSZA bersifat relevan ilmu, diperlukan oleh industri dan dihormati oleh masyarakat yang mampu menyokong aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Oleh yang demikian, dengan kerjasama semua pihak iaitu fakulti, institut penyelidikan dan pusat tanggungjawab lain di UniSZA, beberapa usaha telah dijalankan dan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mencapai hasrat tersebut. Antaranya ialah:

1. Memperkasa program akademik melalui:

- a. Penawaran program baharu terutama di peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) yang berdaya saing seperti program rentas bidang (*trans-disciplinary*).

- b. Penstrukturan semula program bagi menawarkan kursus-kursus yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan seperti kebolehan menguasai bahasa Inggeris dan keusahawanan.
- c. Pengurangan penawaran program pengajian akademik di peringkat diploma.

2. Memantapkan kualiti serta pengalaman pengajaran dan pembelajaran melalui:

- a. Penggunaan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)*, *Student Centered Learning (SCL)* and *Problem Based Learning (PBL)* dalam pengajaran dan pembelajaran.
- b. Perluasan penggunaan kaedah e-pembelajaran, *blended learning* dan *Massive Open Online Courses (MOOCs)* bagi kursus-kursus akademik yang sedia ada.
- c. Mewujudkan perkongsian pintar dengan pihak industri melalui pendekatan setiap fakulti di UniSZA mempunyai hubungan dengan sekurang-kurangnya satu rakan industri. Staf akademik dan pelajar boleh membuat penempatan latihan dengan pihak rakan industri.

3. Meningkatkan keupayaan staf akademik melalui:

- a. Peningkatan bilangan staf akademik berkelayakan PhD kepada 40 peratus.
- b. Penghantaran staf mengikuti latihan, kursus dan bengkel bagi meningkatkan keupayaan serta kemahiran dalam pengajaran.
- c. Pelantikan pengamal bidang atau tokoh-tokoh industri dari dalam dan luar negara sebagai pensyarah, felo atau profesor adjung supaya dapat berkongsi ilmu dengan staf akademik di UniSZA.



- d. Menggalakkan staf akademik supaya bekerjasama dengan universiti-universiti terkemuka atau sangkutan industri di dalam dan luar negara.

Kita berkeyakinan bahawa UniSZA mampu bersaing dalam menawarkan program-program pengajian bermutu. Justeru, apakah perancangan Y.Bhg. Prof. dalam kerangka meningkatkan kualiti program pengajian di peringkat Pra-siswazah dan siswazah di UniSZA?

Penawaran program akademik di UniSZA, seperti juga di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain, perlu melalui satu proses yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi, titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara. Oleh yang demikian, bagi memastikan kualiti program pengajian sama ada di peringkat pra-siswazah atau siswazah di UniSZA memenuhi tuntutan keperluan semasa dan sentiasa relevan, maka perkara berikut perlu dilaksanakan:

1. Pematuan keperluan dan syarat MQA. Oleh yang demikian jaminan kualiti di UniSZA dilaksanakan melalui proses penilaian program pengajian oleh MQA iaitu:
 - a. Akreditasi Sementara - satu perlakuan penilaian untuk memastikan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Penuh.
 - b. Akreditasi Penuh - satu aktiviti penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh UniSZA telah menepati standard kualiti dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia. Program yang mendapat akreditasi penuh akan didaftarkan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

Selain daripada itu, dalam jangka masa panjang, UniSZA berhasrat untuk mendapat status Swa-akreditasi yang dianugerahkan kepada mana-mana IPT yang mempunyai mekanisme jaminan kualiti dalaman yang mantap. Swa-akreditasi adalah satu status yang melayakkan sesebuah IPT mengakreditasi sendiri program pengajian tanpa perlu mendapatkan kelulusan MQA dan KPT (hanya perlu dimaklumkan sahaja) kecuali program profesional yang memerlukan akreditasi serta pengiktirafan badan profesional yang berkenaan. Bagi mencapai status Swa-akreditasi, UniSZA perlu melalui satu proses audit institusi dan jika berjaya, semua kelayakan yang ditawarkan oleh UniSZA akan didaftar secara automatik ke dalam MQR.

2. Menambah baik kurikulum secara berterusan melalui melaksanakan semakan kurikulum dengan mengambil kira pandangan ahli akademik, pakar dari industri dan pihak swasta, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) pada setiap dua hingga tiga tahun berdasarkan keperluan bidang pengajian.
3. Mewujudkan kumpulan kepakaran kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi memantau pelaksanaan dan pengauditan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UniSZA. Ini bagi menyokong hasrat UniSZA mencapai status Swa-akreditasi.

Bagaimanakah Y.Bhg. Prof. melihat kewujudan Kampus Antarabangsa UniSZA dan Kolej Sultan Zainal Abidin berupaya membantu UniSZA menjadi lebih progresif dalam bidang akademik dan pengantarabangsaan?

Penubuhan Kampus Antarabangsa UniSZA (UIC) merupakan salah satu perancangan strategik oleh pihak Pengurusan Tertinggi UniSZA yang diterajui oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, bagi melonjakkan

lagi pencapaian transformasi di UniSZA. UIC sebagai sebuah *Strategic Business Unit* (SBU) berperanan sebagai sebuah pusat keuntungan (*profit center*) yang memberi fokus untuk melebar luas usaha pengantarabangsaan dan promosi program akademik UniSZA. Penubuhan UIC memberikan akses alternatif terutama kepada pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti program pengajian ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh UniSZA dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan, undang-undang, teknologi maklumat, bahasa dan komunikasi, selain daripada program sarjana dan PhD. Program berbentuk pembelajaran sepanjang hayat seperti kursus eksekutif juga dikendalikan bagi memenuhi tuntutan keperluan pelajar tempatan dan luar negara.

Penubuhan Kolej Sultan Zainal Abidin (KSZA) pula adalah untuk meningkatkan lagi transformasi kecemerlangan di UniSZA kerana antara tujuan penubuhannya:

1. Menguruskan program pengajian diploma. Oleh itu, fakulti pengajian mempunyai lebih ruang untuk merancang dan mengendalikan program baharu yang lebih berdaya saing atau membuat semakan kurikulum bagi memberi nilai tambah kepada program yang sedia ada di peringkat sarjana muda, sarjana dan PhD.
2. Menjana pendapatan tambahan universiti melalui program pembelajaran sepanjang hayat.
3. Mewujudkan peluang kepada pelajar bumiputera untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
4. Menghasilkan calon-calon berpotensi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di UniSZA.

Apakah strategi Y.Bhg. Prof. dalam memastikan tenaga akademik UniSZA yang dihantar untuk melanjutkan pengajian berjaya *Graduate on Time* dan memberikan yang terbaik untuk UniSZA sekembalinya daripada pengajian?

Perancangan pembangunan akademik universiti banyak bergantung terutama sekali kepada staf akademik yang berperanan menyampaikan ilmu yang baik kepada pelajar, selain daripada kurikulum yang baik. UniSZA telah mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menghantar staf akademik melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan PhD. Masalah staf akademik tidak *Graduate on Time* bukan sahaja dialami di UniSZA tetapi juga dihadapi oleh universiti tempatan lain. Bagi memastikan staf akademik *Graduate on Time*, beberapa strategi akan dilaksanakan dengan persetujuan pihak Pengurusan Tertinggi Universiti seperti berikut:

1. Meningkatkan bilangan pengambilan calon yang mempunyai kelayakan PhD sebagai pensyarah.

2. Calon (staf akademik) perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan di peringkat fakulti dan mendapat sokongan fakulti sebelum melanjutkan pengajian.
3. Pemantauan kemajuan pengajian secara berkala (sebagai contoh setiap tiga bulan sekali) dilaksanakan di fakulti dengan melantik seorang mentor bagi tujuan ini. Laporan daripada mentor perlu dibuat kepada Jawatankuasa Cuti Belajar UniSZA.
4. Memberi kursus motivasi bukan sahaja kepada staf akademik tetapi juga kepada ahli keluarga (sekiranya ada) bagi memberi sokongan dari aspek fizikal, emosi dan mental supaya membantu staf akademik *Graduate on Time*.
5. Memberi ganjaran yang menarik kepada staf akademik supaya menjadi dorongan kepada mereka untuk *Graduate on Time*.

Apakah pandangan Y. Bhg. Prof. berkaitan kriteria yang digunakan untuk menilai prestasi staf akademik dan bagaimana ia boleh membantu bagi meningkatkan kepakaran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran?

Secara umumnya, staf akademik mempunyai tiga tanggungjawab utama iaitu melaksanakan pembelajaran dan pengajaran (P&P), penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perkhidmatan dan perundingan (S&C). Tambahan pula, adalah menjadi impian seorang staf akademik untuk mencapai taraf Kesarjanaan dalam Pembelajaran dan Pengajaran (SoTL) yang merupakan satu pencapaian tertinggi sebagai ahli akademik. Maka adalah wajar pencapaian prestasi staf akademik diukur menggunakan kriteria tersebut. Terdapat empat perkara utama yang menjadi kriteria SoTL iaitu:

1. Kesarjanaan dalam penemuan iaitu membangunkan ilmu baharu melalui penyelidikan.
2. Kesarjanaan dalam integrasi iaitu mengintegrasikan ilmu rentas disiplin.
3. Kesarjanaan dalam praktis/aplikasi iaitu membina konteks antara teori dengan praktis industri atau masyarakat.
4. Kesarjanaan dalam pedagogi iaitu membangun kaedah reka bentuk, penyampaian dan penaksiran baharu yang sesuai untuk pembelajaran.

Bagi mencapai tahap SoTL, pensyarah perlu bukan sahaja cemerlang dalam P&P tetapi juga perlu mempunyai kompetensi dalam dua aspek lain iaitu R&D dan S&C. Pengintegrasian dan keseimbangan dalam kedua-dua aspek ini akan membantu pensyarah dalam P&P. Sebagai contoh, penemuan baharu yang diperolehi melalui aktiviti R&D dapat dikongsikan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala penglibatan staf akademik dalam program S&C bertujuan untuk mengaplikasikan kepakaran atau ilmu yang ada di UniSZA kepada masyarakat setempat. Sekiranya program



kemasyarakatan ini dilaksanakan dengan perancangan yang rapi serta memerlukan penilaian daripada peserta, input daripada peserta yang mengikuti program ini boleh menjadi ilham kepada penaksiran baharu untuk disesuaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, adalah wajar pencapaian prestasi staf akademik diukur melalui tiga tanggungjawab tersebut.

Boleh Y.Bhg. Prof. ceritakan serba sedikit tentang pengantarabangsaan UniSZA dan bagaimana ia boleh dilakukan sehingga sampai ke satu tahap 'UniSZA Berada di Mana-mana' seperti yang sering diwar-warkan oleh Y.Bhg. Prof. Naib Canselor?

Hasrat Naib Canselor untuk melonjakkan imej UniSZA di peringkat antarabangsa merupakan suatu wawasan yang berdaya saing dengan menggunakan *tagline* 'UniSZA Berada di Mana-mana'. Keternampakan UniSZA di peringkat antarabangsa boleh dicapai melalui tiga laluan utama iaitu P&P, R&D dan S&C. Memandangkan ruangan ini adalah untuk membicarakan hal berkaitan akademik dan pengantarabangsaan, maka tumpuan bual bicara ini adalah terhadap laluan P&P sahaja. Keternampakan UniSZA boleh dicapai melalui pendekatan berikut:

1. Membina dan memiliki imej Program Akademik Berkualiti melalui:
 - a. Akreditasi penuh bagi program akademik yang ditawarkan dan disenaraikan dalam MQR dalam masa yang ditetapkan.
 - b. Menambah bilangan staf akademik antarabangsa mengikut keperluan kepakaran.
 - c. Meningkatkan bilangan program yang diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui:
 - i. Menanda aras program akademik berserta pemindahan kredit dengan rakan institusi di peringkat antarabangsa.
 - ii. Mendapatkan pengiktirafan dari negara luar bagi program UniSZA.
 - iii. Mendapatkan pengiktirafan badan profesional luar negara bagi program-program profesional.
 - iv. Menawarkan program persisir luar negara.
2. Memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar melalui pendedahan aktiviti di peringkat global melalui:
 - a. Galakan program *outbound mobility* bagi pelajar di semua peringkat pengajian.
 - b. Membawa pelajar luar negara untuk mengikuti dan melaksanakan program kemasyarakatan.
 - c. Melibatkan pensyarah antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - d. Mengadakan program mobiliti/ sabbatical pensyarah di peringkat antarabangsa.
3. Menawarkan program *inbound mobility* kepada pelajar luar negara dengan mendapat kerjasama dari *Education Malaysia Global Services (EMGS)* yang mempunyai beberapa pejabat termasuk di Indonesia, London, Australia, New Zealand, Mesir, Washington, Los Angeles, Chicago, Jordan, Beijing dan Ho Chi Minh City.
4. Menubuhkan *Learning or Resources Centers* atau cawangan di luar negara termasuk negara China, Khazastan, Cape Town, Sharjah dan Indonesia dengan menawarkan program UniSZA.

Maklumat Bahasa dalam Kamus Dewan Edisi Keempat

Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
shnurmursalina@unisza.edu.my

Sejarah Kamus Dewan

Kamus Dewan telah diterbitkan pada tahun 1970 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pada tahun 1984, Kamus Dewan dicetak untuk kali kedua dan pada tahun 1986 pula dicetak untuk kali ketiga. Akhirnya pada tahun 1989, Kamus Dewan cetakan pertama untuk edisi baharu pula diterbitkan. Manakala, cetakan kedua untuk edisi baharu telah dicetak pada tahun 1991 dan cetakan ketiga pula pada tahun 1994. Cetakan kelima Kamus Dewan edisi ketiga pula ialah pada tahun 2000. Akhirnya pada tahun 2005, Kamus Dewan edisi keempat diterbitkan untuk kegunaan para pelajar. Antara maklumat bahasa dalam Kamus Dewan ialah maklumat berkenaan entri, makna entri, asal usul kata/etimologi, kelas kata, contoh penggunaan kata, frasa/ungkapan, label dan banyak lagi.

Entri (Kata Masukan)

Entri (perkataan) ialah istilah khusus bagi kata masukan yang akan disusun mengikut abjad masing-masing dalam sesebuah kamus. Kamus Dewan edisi keempat mempunyai lebih kurang 5,843 entri. Entri disusun mengikut abjad supaya maklumat ini mudah diperolehi dan dicari oleh pembaca. Terdapat pelbagai jenis entri dalam Kamus Dewan yang mencakupi bidang sains dan teknologi, linguistik berkomputer, astronomi, agama, politik, pelayaran serta muzik. Selain penambahan kata-kata teknikal, kata atau ungkapan umum yang baharu, sama ada yang dipinjamkan atau kata Melayu asli, kata-kata seperti dialek, slanga dan nama-nama kaum di Malaysia juga diselitkan sebagai entri dalam Kamus Dewan.

Jadual 1: Kategori entri atau kata masukan dalam Kamus Dewan edisi keempat

Kategori Entri	Definisi	Contoh
Entri utama	✓ Kata masukan daripada perkataan atau kata tunggal yang dipilih untuk dimasukkan ke dalam kamus. Selalunya dalam sesebuah kamus, kata akar atau kata dasar akan diletakkan sebagai entri utama. Walau bagaimanapun, kata majmuk yang telah mantap ejaannya juga ada dijadikan entri utama.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ basuh ~ cuci (hlm 133) ✓ gadai ~ pinjaman wang dgn menyerahkan barang sebagai cagaran utk tempoh tertentu (hlm 420) ✓ janji ~ pernyataan kesediaan utk berbuat atau memberi sesuatu (hlm 608). <p style="text-align: right;">(KDE4 2005)</p>
Entri Sekunder	✓ Kata masukan daripada perkataan yang telah mengalami proses morfologi tetapi tidak termasuk dengan kata majmuk. Lazimnya kata majmuk dimuatkan sebagai penerangan atau subentri kepada kata dasar (Salinah Jaafar, 1995: 117).	<ul style="list-style-type: none"> ✓ berjanji ~ membuat (mengikat) janji (hlm 609). ✓ menghidupi ~ membiarkan hidup (tidak dibunuh) (hlm 533). <p style="text-align: right;">(KDE4 2005)</p>
Entri Varian	✓ Kata masukan daripada perkataan yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza.	<ul style="list-style-type: none"> ✓ semambu <ol style="list-style-type: none"> 1. ratan yg besar (biasanya dibuat tongkat) 2. hantu 3. ikan laut, Germo sibi <p style="text-align: right;">(KDE4 2005:1432)</p>

Makna Bagi Entri

Dalam aspek pemaknaan, terdapat dua bidang yang dapat dibincangkan, iaitu makna dalam semantik dan makna dalam leksikografi. Domain semantik sesuatu kata memainkan peranan yang penting dalam pemberian makna. Domain ialah lingkungan makna sesuatu kata yang dapat ditanggap dengan mata kasar tanpa melakukan sebarang perincian khusus terhadap komponen-komponen makna leksikal tersebut (Maimoon Kamis 2001: 28). Bagi sesuatu makna utama item leksikal,

terdapat banyak kata kunci yang akan melingkungi sesuatu kata fokus yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Manakala, makna dalam leksikografi pula, pemerian maknanya berdasarkan kepada beberapa aspek penting, iaitu antonim, sinonim, homonim dan polisemi. Kesemua aspek ini akan membentuk hubungan makna dalam semantik leksikal dan mempengaruhi cara serta kaedah huraian makna dalam Kamus Dewan.

Jadual 2: Aspek penting dalam bidang leksikografi

Aspek	Definisi	Contoh
Polisemi	✓ Perkataan yang boleh dikaitkan dengan berbagai-bagai makna yang berbeza tetapi masih bertalian (Noresah Baharon, 1993: 258).	✓ usai 1. sudah selesai (perayaan dll), berakhir, bubar. 2. tidak tersusun rapi, teraturai (rambut dll). 3. sudah selesai (dikerjakan) beres, siap. 4. sudah lampau, sudah berlalu. (KDE4 2005:1782)
Homonim	✓ Homonim mendukung satu atau lebih perkataan yang sama bentuk dari segi ejaan dan sebutan tetapi setiap satu perkataan tersebut mempunyai makna yang jauh berbeza antara satu sama lain (Ibrahim Ahmad, 1994: 105).	✓ ratap I ~ ratapan rintihan kerana kesedihan (dengan mengeluh, menangis, menjerit, dll). ✓ ratap II ~ meratap berbunyi sebiji-biji dgn banyak, berbunyi berulang-ulang (mesingan dll). ✓ ratap III ~ meratap penuh dengan barang hiasan (cincin dll). (KDE4 2005:1294)
Antonim	✓ Antonim ialah perkataan yang mempunyai makna berlawanan. Kata-kata yang dimaksudkan sebagai berlawanan mempunyai makna kebalikan seperti dalam kata lelaki dan perempuan, gemuk dan kurus, besar dan kecil dan sebagainya (Nathesan, 2001: 4).	✓ kecil 1. tidak besar atau kurang besarnya daripada yang biasa 2. tidak lebar, tidak luas 3. tidak besar modalnya 4. tidak banyak (jumlahnya dll) 5. tidak penting 6. tidak melibatkan banyak orang 7. tidak rumit, tidak sukar 8. tidak tinggi 9. tidak kuat (KDE4 2005:699)

Selain itu, terdapat empat pendekatan yang digunakan dalam pemerian makna bagi sesuatu entri. Pendekatan-pendekatan tersebut ialah pendekatan leksikografi, pendekatan sinonim, pendekatan logik dan pendekatan ensiklopedia (Ibrahim Ahmad, 1994: 76).

Jadual 3: Pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam pemerian makna entri

Pendekatan	Definisi	Contoh
Leksikografi	✓ Pendekatan ini menghuraikan makna entri dari segi ciri-ciri semantik yang penting secara berurutan (Maimoon Kamis, 2001: 45). Penjelasan yang diberikan atau digunakan lebih sederhana dan mudah difahami oleh para pembaca.	✓ maskara ~ bahan mekap untuk menghitamkan dan mencantikkan bulu mata (hlm 1003). ✓ nona ~ panggilan untuk gadis atau perempuan yang belum berkahwin (hlm 1084). (KDE4 2005)
Sinonim	✓ Pendekatan sinonim paling banyak dan kerap digunakan dalam menghasilkan kamus-kamus ekabahasa. Makna entri disajikan dalam bentuk padanan makna yang berupa kata seerti bagi entri tersebut (Maimoon Kamis, 2001: 46).	✓ sangu ~ bekal (hlm 1389) ✓ sani I ~ indah, mulia (hlm 1389) ✓ tiris ~ bocor (hlm 1697) (KDE4 2005)
Logik	✓ Pemberian makna dalam pendekatan logik adalah berdasarkan logik pada pemikiran pengguna. Pentakrifan entri diberikan setelah mengenal pasti objek dan membezakannya dengan objek lain secara jelas (Maimoon Kamis, 2001: 47).	✓ tangis I ~ mencururkan air mata dengan sedusedan untuk melahirkan perasaan sedih (pilu dll). (hlm 1601). ✓ panau ~ penyakit kulit yang berupa bintik-bintik, (tompok-tompok) putih (kadang-kadang gatal) (hlm 1123). (KDE4 2005)

Pendekatan	Definisi	Contoh
Ensiklopedia	✓ Pendekatan ini memerikan makna sesuatu entri dengan lebih mendalam, lengkap dan cermat (Maimoon Kamis, 2001: 48). Jadi, segala fakta yang mempunyai kaitan dengan entri akan dimasukkan dan makna yang diberikan juga lebih jelas, spesifik dan terperinci.	✓ keramat <ol style="list-style-type: none"> 1. kemuliaan (iaitu anugerah Allah kpd hamba-Nya yg dikasihi). 2. suci dan berkat drpd kemuliaan seseorang sehingga menyebabkan doanya diperkenankan Allah (seperti penyembuhan penyakit dan perlindungan Allah). 3. tempat atau sesuatu yang suci dan (dipercayai) dapat mendatangkan hikmah. 4. orang yang sangat warak, oarang yang benar-benar soleh. <p>(KDE4 2005:751)</p>

Asal Usul Kata/Etimologi

Asal usul ialah salasilah atau keturunan (KDE4, 2005:81). Etimologi pula ialah cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata. Berdasarkan contoh di bawah, dapat dilihat perkataan lingua franca berasal daripada bahasa Latin. Manakala, perkataan masyaikh dan ijmak pula berasal daripada bahasa Arab:

- ✓ lingua franca (latin) (hlm 945)
- ✓ masyaikh Ar
- ✓ ijmak Ar (hlm 561)
- ✓ (KDE4:2005)

Sebutan

Maklumat bahasa tentang sebutan juga boleh didapati dalam Kamus Dewan edisi keempat. Sebutan sesuatu perkataan atau entri akan ditulis di sebelah entri tersebut dengan simbol-simbol yang biasa digunakan. Hal ini akan memudahkan para penyelidik untuk membuat kajian tentang bunyi bahasa. Contoh yang terdapat dalam Kamus Dewan ialah:

- ✓ bebek (bébék) (hlm 144)
- ✓ bebel (bébé) (hlm 144)
- ✓ (KDE4:2005)

Label

Label bermaksud label yang akan menerangkan bidang ilmu yang dicakupi oleh perkataan tersebut. Para pembaca dapat mengenal pasti sesuatu perkataan atau entri tersebut mencakupi mana-mana bidang. Contoh-contoh di bawah menunjukkan entri yang mempunyai label tentang bidang ilmu seperti bidang kimia, geografi, biologi dan fizi :

- ✓ monoksida (Kim) (hlm 1042)
- ✓ monolit (Geo) (hlm 1042)
- ✓ korakoid (Bio) (hlm 822)
- ✓ hologram (Fiz) (hlm 543)
- ✓ (KDE4:2005)

Kesimpulan

Kepelbagaian entri yang dimasukkan akan membantu para pembaca untuk mengetahui pelbagai jenis entri yang belum pernah didengari atau dibaca. Selain itu, makna yang disertakan dapat membantu para pembaca untuk

mengetahui definisi entri tersebut dengan lebih jelas. Pemaknaan entri yang dimasukkan dalam Kamus Dewan amat mudah difahami. Maklumat lain juga amat berguna kepada para pembaca terutamanya para penyelidik yang ingin mengkaji tentang sesuatu entri. Asal usul kata/etimologi dan label yang disediakan dalam Kamus Dewan edisi keempat amat membantu para penyelidik bahasa untuk mengetahui tentang sesuatu entri yang dikaji. Selain itu, sebutan yang disertakan juga dapat membantu penyelidik dalam bidang fonologi untuk mengetahui cara sesuatu entri disebut terutama entri yang berkaitan dengan dialek dan slanga. Justeru, maklumat bahasa yang terkandung dalam Kamus Dewan edisi keempat amat berguna kepada para pembaca serta para penyelidik. Oleh itu, kamus yang dihasilkan seharusnya mempunyai banyak maklumat supaya para pembaca dan penyelidik dapat menggunakan kamus yang dihasilkan sebaik mungkin.

Rujukan

- Ibrahim Ahmad. 1994. *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimoon Kamis. 2001/2002. *Amalan Pemaknaan Entri dalam Leksikografi: Tumpuan pada Kamus Dewan*. Tesis Sarjana Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nathesan. S. 2001. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharon. 1993. *Perkamusan Melayu dalam Memenuhi Wawasan 2020*, dlm. *Dewan Bahasa*, Januari.
- Rashidah Ismail. 2001/2002. *Penyusunan Entri dalam Kamus Dewan: Satu Penelitian Leksikografi*. Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Salinah Jaafar. 1995. *Proses Pembentukan Kata dalam Leksikografi Melayu: Tumpuan kepada Kamus Dewan*. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Transformasi Terengganu Baharu

Mohd Ridhuan Tee Abdullah
Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
ridhuantee@unisza.edu.my

Pendekatan urus tadbir Menteri Besar (MB) Terengganu yang baharu, berteraskan Transformasi Terengganu Baharu (TTB), Terengganu TerBersih (TTB), patut dipuji. Antara pendekatannya, urus tadbir yang baik (*good governance*), bersifat terbuka dan menerima pandangan orang lain (inklusif), dan agama sebagai wadah penyatuan.

Menurut MB, transformasi bertujuan untuk membawa kebaikan dan kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri Terengganu Darul Iman. Transformasi ini perlu disambut baik dan direalisasikan oleh semua pihak.

TTB pertama, Terengganu Terus Berubah. Transformasi ini mesti dimulakan dengan mentransformasikan pemimpin-pemimpin dan ahli sesebuah organisasi terlebih dahulu, seperti kata-kata Konfucius yang berbunyi, "jika mahu menjadi pemimpin, pastikan rumah tangga dapat dijaga dengan baik. Bagi memastikan rumah tangga dapat dijaga baik, pastikan diri sendiri perlu baik. Untuk memastikan diri menjadi baik, pastikan hati kita baik. Bagi memastikan hati menjadi baik, ia bermula dengan sifat ikhlas."

Pemimpin mesti belajar untuk ikhlas dalam perjuangan, jika mahu kekal berkuasa di Terengganu. Dengan ikhlas, barulah akan terbit hati yang baik, diikuti peribadi yang menawan. Sudah pasti rumah tangga menjadi berkekalan dan diredai Tuhan. Bila menjadi pemimpin, pasti mendapat perhatian.

Pemimpin mesti meletakkan kepentingan rakyat di hadapan. Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, diri sendiri dikemudiankan.

Tanamkan dalam diri rasa takut kepada Allah s.w.t.. Itulah makna integriti yang sebenar. Manusia yang mendahulukan Allah, akan mendahulukan makhluknya yang lain, sebelum dirinya.

Ingatlah, tanggungjawab itu adalah amanah. Ia mesti disempurnakan dengan baik. Hari ini mesti lebih baik dari semalam. Esok mesti lebih baik dari hari ini. Rakyat melihat apa yang kita buat bukan apa yang kita cakap.

Seperti yang selalu disebutkan oleh MB, pemimpin perlu mencontohi arwah Dato' Razali Ismail, bekas ahli Parlimen Kuala Terengganu. Arwah adalah seorang wakil rakyat yang sukar dicari ganti di negara kita, disegani kawan dan lawan.

Meskipun integriti arwah tidak disenangi oleh segelintir pemimpin, arwah merupakan seorang wakil rakyat yang sukar memberi 'gula-gula' berupa wang kepada pengampunya.

Ketika menjadi ahli Parlimen, arwah kalah dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Bahagian. Jarang berlaku, tetapi itulah realitinya. Kenapa? Kerana arwah

mempertahankan integritinya. Tidak menggunakan wang bagi mendapatkan jawatan. Sifat terpuji arwah menjadi sebutan. Malangnya, arwah dijemput Allah terlebih dahulu.

Pemimpin juga perlu meneliti dengan serius titah Sultan Perak DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizuddin Shah, ketika Mesyuarat Dewan Negara Perak ke-159. Muhasabah baginda amat baik untuk kita semua. Baginda mahukan orang sekeliling baginda memberikan nasihat betul kepada baginda, dengan mengutamakan rakyat jelata.

Jika tidak, lambat-laun rakyat akan memberontak dan takhta akan tergugat. Walau seberapa banyak sekalipun askar, polis rahsia atau pegawai istana digaji untuk melindungi dan menjaga takhta, namun tidak satu pun akan dapat mengatasi kehendak dan aspirasi rakyat jelata. Jika kehendak rakyat jelata itu dimakbulkan Allah, maka berpindahlah takhta dari istana ke muzium seni dan budaya.

"Beta amat insaf dengan kata-kata yang terkandung dalam sumpah jawatan yang beta telah zahirkan; ia adalah ikrar perjanjian beta dengan Allah s.w.t.. Ia adalah amanah dan tanggungjawab amat berat; meletakkan beta dalam akauntabiliti baik di dunia, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan Tuhan Rabb al-Jalil pada hari kebangkitan di Mahsyar nanti".

"Beta mohon mendapat sebaik-baik nasihat dan panduan daripada ahli Dewan Negara untuk membolehkan beta menyempurnakan amanah dan tanggungjawab ini sebaik mungkin. Sembah maklumkan kepada beta perkara yang benar, betapa pahit sekalipun dan betapa berat untuk lidah mengucapkannya". "Setiap kebenaran wajib disembahkan dan jangan sama sekali dirahsiakan daripada pengetahuan beta. Jauhkan beta daripada cerita-cerita penglipur lara hingga mendorong beta untuk berkhayalan, lena dengan mimpi indah, sedangkan realiti yang berlaku dalam kalangan rakyat dan dalam negeri sangat berlainan dengan apa yang diceritakan".

Titah ini sepatutnya menjadi panduan kepada kita sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dalam usaha bertransformasi.

TTB kedua, Terengganu Terus Berkawan. Menjadikan lawan itu kawan untuk menawan hati lawan. MB mahu meminimumkan pergeseran dalam parti dan mengajak pembangkang agar tidak menjadi seteru berpanjangan tetapi bersama berperanan ke arah kebaikan.

Pendekatan ini amat baik. Jangan hanya kerana terlalu marahkan lawan, kita mengambil pendekatan bermusuhan.

Kita kuburkan segala kekuatan dan bakatnya. Akhirnya, semua tidak dapat dimanfaatkan. Musuh tidak dapat dijinakkan. Perseteruan terus berpanjangan.

Pada hemat saya, lebih baik kita ramai profesional dalam kerajaan daripada kita ramaikan pandir yang tidak boleh membuat kerja dan menjadi bebanan kepada organisasi dan kerajaan.

Transformasi ini perlu disegerakan. Layani saudara seagama kita dengan baik tanpa mengira latar belakang dan ideologinya. Seburuk manapun kita, kita tetap seagama dan bersaudara. Jadikan musuh kawan, barulah boleh memenangi hati lawan.

Manfaatkan segala kekuatan yang pada musuh, selagi musuh tidak menghancurkan kita. Pastikan masjid dan surau berfungsi sebagai wadah penyatuan. Kalau boleh biarlah orang kita dahulu sampai dan yang pertama mengimarahkannya. Barulah cakap serupa bikin. Kita tidak mahu mendengar lagi solat dua imam seperti yang pernah berlaku.

TTB ketiga, Terengganu Telus Berkhidmat. MB selalu sebut, yang kecil itu besar. Pada mata kita mungkin kecil, tetapi pada Allah ia besar. Perkara yang dianggap kecil oleh sesetengah orang, tetapi besar maknanya bagi yang memerlukan.

Pandangan manusia memang tidak sama dengan pandangan Allah. Sering kali, manusia memandangkan perkara yang besar perlu didahulukan dengan meninggalkan perkara pada pandangan mereka kecil. Besar atau kecil larangan Allah, ia tetap larangan Allah. Besar atau kecil suruhan Allah, ia tetap suruhan Allah. Firman Allah dalam Quran:

Dan kamu menyangka perkara itu kecil, padahal di sisi Allah itu sesuatu dosa besar (al-Nur: 15).

Dalam menghayati urus tadbir yang baik, MB mahukan barisan kepimpinan dan anggota perkhidmatan awam melayan pelanggan mereka dengan baik iaitu semua lapisan rakyat dan jangan menolak harapan terhadap pertolongan dan aduan yang dikemukakan. Inilah perkara yang nampak kecil, tetapi Allah suka kita melakukannya.

TTB keempat, Terengganu Tempat Terbersih. Kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Bersih luar dan dalam. Antara fokus utama MB adalah kebersihan tandas, tandas awam dan tandas masjid. Nampak kecil, tetapi impaknya besar, termasuk menjana pendapatan si miskin. Sedih, melihat masih banyak tandas masjid yang tidak terurus sehingga merosakkan imej Islam.

Empat perkara terbersih perlu diutamakan. Pertama, bersih diri. Seperti dalam solat, berada dalam suci bersih. Bersih diri, pakaian dan tempat. Kedua, bersih hati dengan sifat ikhlas. Sentiasa meletakkan Allah di hadapan setiap perkara yang dilakukan. Zikir, istighfar dan taubat jika melakukan kesilapan. Ketiga, bersih harta. Bersihkan harta dengan menunaikan kewajipan zakat dan infak. Keempat, bersih persekitaran. Bagi menjamin kehidupan yang normal dan sihat, kita haruslah sentiasa menjaga alam dari sebarang kekotoran terutamanya sampah.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau SWCorp Terengganu begitu aktif untuk membersihkan negeri Terengganu. Sudah sampai masanya kerjasama pintar perlu dilakukan secara bersama. Perbanyakkan juga *green rangers* dalam kalangan anak muda untuk merealisasikan TTB. Pelajar-pelajar UniSZA boleh bersama-sama merealisasikan cita-cita ini.

TTB kelima, Terengganu Tetap Beridentiti/Berjati Diri. Terengganu adalah negeri majoriti Melayu Islam. Maka sudah sewajarnya cara hidup Islam dan Melayu dilaksanakan menjadi asas, agar terpancar identiti dan jati diri.

Garis panduan hiburan yang sedang dirangka hendaklah selari dengan pendekatan ini. Jika mahukan hiburan, pastikan hiburan dapat meningkatkan keimanan kita kepada Allah s.w.t., bukan sebaliknya. Pendek kata, perbanyakkan program dan aktiviti yang dapat memperkukuh dan meningkatkan cara hidup Islam seharian.

Pastikan juga tulisan jawi tidak hilang daripada pandangan. Itulah satu-satunya lambang Melayu Islam yang masih tinggal. Wajibkan setiap nama bangunan, kedai dan jalan mempunyai tulisan jawi. Banyak lagi perkara yang perlu diperkatakan dalam menjayakan transformasi ini, termasuk menghapuskan kemiskinan, rasuah dan lain-lain perkara negatif yang boleh menghancurkan.

Kesimpulannya, transformasi yang sedang dirangka perlu dilaksanakan dengan segera. Sentiasalah membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Ingatlah kejahatan yang dikesali, lebih baik daripada kebaikan yang ditakburi. Manusia akan lupa seribu kebaikan hanya disebabkan oleh satu kesalahan. Tetapi Allah akan memaafkan seribu kesalahan hanya disebabkan oleh satu kebaikan. "Allah Peliharakanlah Terengganu". Terengganu... negeri cantik, budaya menarik, orang baik.

MAJLIS PECAH TANAH HOSPITAL PENGAJAR UniZA

Pencapaian oleh:
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA

Tarikh, Masa & Tempat:
18 SEPTEMBER 2014 (KHAMIS) || 2.00 PETANG
UniZA KAMPUS GONG BADAK

www.uniZA.edu.my



Gambar Oleh: Mohd Robi Nordin, Zarkashim Mad Zali Dan Zulfadhli Jusoh

34 Pegawai Kadet Terima Tauliah Diraja

Seramai 34 Pegawai Kadet peringkat Senior UniSZA telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda PSSTUDM oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Kedah, Brigedier Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Istiadat Pentauliah Diraja telah berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak pada 23 Ogos 2014.

Pada hari yang penuh bersejarah serta berlangsung dalam istiadat rasmi itu, Lt. M. Muhammad Muzzammil Abd Razak PSSTUDM (7801848) telah dipilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik bagi UniSZA untuk tahun 2014.



Turut hadir dalam istiadat berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar selaku Timbalan Komandan PALAPES Udara dan Mejar Kehormat Ahmad Termizi Ab. Aziz.

Seluruh warga UniSZA berasa bangga atas pencapaian cemerlang pasukan PALAPES UniSZA dan berharap agar banyak lagi kejayaan yang bakal dicapai pada masa akan datang. Pencapaian ini membuktikan bahawa para pelajar UniSZA mampu mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam aktiviti-aktiviti yang dapat memupuk jati diri dan sahsiah cemerlang dalam diri pelajar.



Kesatria UniSZA Raih Tempat Ketiga Perbarisan Merdeka

Kesatria UniSZA telah berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Perarakan dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-57 Peringkat Negeri Terengganu tahun 2014.

Pertandingan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu itu telah berlangsung di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu pada 31 Ogos 2014 pada jam 7.00 pagi. Seramai 45 orang pelajar kokurikulum Badan Beruniform Kesatria telah menyertai perarakan perbarisan tersebut. Kejayaan ini adalah hasil bimbingan daripada Jurulatih Sarjan Nasir Sulaiman dan Sarjan Mohd Napi Abd. Rahman berserta Penyelaras Akademik Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) Encik Akila Mamat. Dalam pertandingan perbarisan tersebut, Kesatria UniSZA telah memenangi wang tunai sebanyak RM2,000 bagi kategori Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun Beruniform. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Mejar Kehormat

(U) Ahmad Tarmizi Abd. Aziz iaitu penerima Tabik Hormat daripada peserta.



Jumlah Karya Terbitan Penerbit UniSZA Melonjak 100%


Dalam usaha memartabatkan ilmu dan meningkatkan penerbitan karya ilmiah untuk pembangunan akademik dan masyarakat, ahli akademik UniSZA kini giat menghasilkan penulisan ilmiah untuk diterbitkan oleh Penerbit UniSZA. Sepanjang tahun 2014 ini, sebanyak 36 manuskrip diterima oleh Penerbit UniSZA untuk tujuan penerbitan. Terkini, pihak Penerbit UniSZA berjaya

menerbitkan sepuluh buah buku ilmiah dan sedang dalam proses penerbitan bagi yang lainnya. Selain itu, pendapatan tahunan Penerbit UniSZA bermula Januari 2014 sehingga 30 September 2014 berjumlah RM42,245.40, iaitu hasil daripada jualan buku di pameran buku, pesta buku, jualan secara *consignment* di kedai buku terpilih dan *walk-in*.

Jadual 1. Penyertaan dalam Pameran/Pesta Buku Tahun 2014

Bil	Pameran/Pesta Buku	Tarikh	Tempat
1.	Minggu Penyelidikan UniSZA (anjaran CRIM)	17-20 Mac	Foyer Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak
2.	Pameran dan Jualan Buku Sempena Pengagihan BB1M (anjaran Ko-UniSZA & Perpustakaan UniSZA)	23-29 Mac	Perkarangan Speaker Corner, UniSZA Kampus Gong Badak
3.	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL)	24 Apr - 4 Mei	PWTC, KL
4.	Pameran Buku Islami IKIM	4-5 September	Perkarangan Ibu Pejabat IKIM
5.	Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014	14 September	Bangunan Akademik UniSZA, Kampus Gong Badak
6.	International Symposium on Product of Islamic Civilization "Inspiring Innovation"	18 September	Dewan Perdana, UniSZA, Kampus Gong Badak
7.	Pesta Buku Akademik Universiti Malaya	3-7 November	Universiti Malaya

Sebagai perbandingan, karya ilmiah yang diterbitkan Penerbit UniSZA pada tahun 2010 adalah sebanyak dua judul, manakala pada tahun 2011, jumlah terbitan meningkat kepada enam judul. Jumlah ini kemudiannya terus meningkat pada tahun 2013 dengan lapan judul, seterusnya pada tahun 2014, jumlah judul yang dijangka akan terbit adalah sebanyak 16 judul. Peningkatan drastik jumlah terbitan buku di Penerbit UniSZA menggambarkan kerja kuat dan iltizam ahli akademik UniSZA dan juga staf Penerbit UniSZA dalam usaha membangunkan UniSZA sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi terulung. Momentum penulisan ilmiah dalam kalangan ahli akademik ini wajar diteruskan dan ditingkatkan untuk merealisasikan aspirasi UniSZA menjadi sebagai mercu tanda keilmuan di persada dunia. Bidang



ilmu yang dinukilkan dalam bentuk buku ini akan sampai kepada segenap lapisan masyarakat dan membawa nama baik UniSZA dalam pengembangan ilmu duniawi dan ukhrawi.



Majlis Makan Beradat PALAPES UniSZA

Majlis Makan Beradat sempena meraikan Pegawai Muda yang baru ditauliahkan telah diadakan di Holiday Villa Hotel & Suites Subang pada 24 Ogos 2014.

Majlis yang berlangsung dengan penuh istiadat ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar selaku Timbalan Komandan PALAPES Udara dan Mejar Kehormat Ahmad Termizi Ab. Aziz.

Pada malam tersebut Lt. M. Nurul Afidah Mohd Toridi PSSTUDM (7801860) diumumkan sebagai penerima anugerah *Best Academic* berdasarkan pencapaian cemerlang beliau dalam akademik sepanjang pengajiannya di UniSZA.

Kejayaan dan pengiktirafan ini membuktikan bahawa aktiviti luar bilik kuliah bukan penghalang kepada mahasiswa untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Semoga kejayaan ini menyuntik semangat warga pelajar UniSZA untuk mempertingkatkan kebolehan diri seterusnya mencapai kejayaan dalam pelbagai kegiatan berfaedah sepanjang mengikuti pengajian di universiti.

My Start-Up Incubator Program (MiP)

Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (E.G.E.C) telah mengadakan *My Start-Up Incubator Program* (MiP) pada 14 - 17 Ogos 2014 bertempat di Hotel Seri Costa, Melaka. Seramai 15 orang mahasiswa UniSZA telah menyertai program siri terakhir ini.

My Start-Up Incubator Programme bertujuan memberikan bimbingan serta latihan perniagaan secara praktikal kepada peserta. Ia merangkumi beberapa fasa iaitu Fasa 1: *Develop Your Strategy*, Fasa 2: *Execute Your Strategy* dan Fasa 3: *Build a High Performance Culture*. Ketiga-tiga fasa ini amat penting dalam menetapkan matlamat perniagaan yang sebenar ke arah meningkatkan produktiviti dan prestasi perniagaan melalui perancangan yang strategik.

Program ini juga merupakan platform terbaik kepada pelajar yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Ia bukan sahaja mendedahkan pelajar kepada bidang



keusahawanan secara teori, malahan menekankan kaedah penyediaan rancangan perniagaan secara praktikal. Hasil daripada program ini, peserta telah berjaya menubuhkan Sahabat Consultancy Sdn. Bhd. dan Solve Edu Resources Sdn. Bhd.




Majlis Menandatangani Perjanjian UniPEC (UniSZA dan MyPEC)

Satu majlis menandatangani perjanjian antara UniSZA dengan MyPEC telah berlangsung pada 20 Ogos 2014 di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik. Majlis ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim. Turut hadir ialah Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, Dr. Fakhru Anwar Zainol; Pengarah MyPEC, Encik Matsham Ahmad dan Konsultan Utama MyPEC, Encik Razak Salleh. Majlis turut dihadiri oleh barisan Pengurusan Tertinggi UniSZA, Ketua-ketua PTj, wakil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan peserta program *Small Office Home Office (SOHO)*.

MyPEC adalah ibu pejabat *PEN International* yang berpusat di Kuala Lumpur dan menyokong aktiviti-aktiviti *Practice Enterprises (PE)*. *PE* adalah makmal yang menyerupai pejabat bekerja yang sebenar termasuk jabatan-jabatan berkenaan. Ia membolehkan peserta merasai pengalaman menceburi dunia perniagaan sebenar melalui falsafah *Learning by Doing*.

Program *SOHO* merupakan satu usaha sama yang dijalinan antara Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan dengan MyPEC. Program ini turut memperkenalkan satu model pengajaran yang lebih praktikal iaitu secara simulasi, perbincangan dan amali. Bagi membantu memahami model pengajaran



tersebut, para peserta didedahkan dengan situasi sebenar berkaitan perniagaan seperti pengurusan perakaunan dan cara memulakan perniagaan.

Pelajar UniSZA Pembentang Kedua Terbaik di Persidangan UniMAP

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), UniSZA melalui Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM), UniSZA telah menghantar seramai sembilan orang pelajar sarjana untuk menyertai *2nd IMT-GT Regional Convention on Drug, Substance and Alcohol Abuse among Tertiary Institutions 2014* bertempat di Hotel Tabung Haji, Alor Setar, Kedah. Para pelajar ini merupakan pelajar sarjana yang dilantik khas sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM), UniSZA.

Persidangan yang berlangsung pada 20-22 September 2014 telah menobatkan pelajar sarjana Mohd Izwan Arif Azizan sebagai pembentang kedua terbaik. Pembentangan yang bertajuk *Application of Geographic Information System (GIS) in Developing Spatial Model of Opiate Dependence in Terengganu* telah melayakkan Mohd Izwan Arif untuk membawa pulang sebuah trofi dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Manusia & Tekno- Komunikasi (iCOM), UNIMAP, Dr. Hazili Hussin. Selain merupakan seorang Pembantu Penyelidik Siswazah, Mohd Izwan Arif Azizan adalah pelajar sarjana semester dua di Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dan pelajar di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), UniSZA, Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman.

Persidangan yang bertemakan *Drug, Substance and Alcohol Free Among IMT-GT Tertiary Institutions* merupakan persidangan yang dianjurkan sepenuhnya oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Persidangan tersebut telah menerima kira-kira 70 penyertaan yang melibatkan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) seluruh Malaysia dan turut menerima penyertaan dari negara Indonesia

serta Thailand. Tahniah diucapkan kepada Mohd Izwan Arif Azizan dan semoga kejayaan ini dapat mendorong para pelajar lain untuk terus mencipta kejayaan pada masa akan datang.



FKI Capai KPI dalam Penerbitan

Bagi memenuhi tuntutan semasa, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) berusaha keras melonjakkan prestasinya dalam segenap aspek seperti akademik dan pengajian siswazah, penyelidikan dan penerbitan, khidmat dan perundingan, pengantarabangsaan, serta pembangunan sahsiah pelajar. Selari dengan pembangunan kursus-kursus yang terintegrasi sifatnya, pembangunan akademia di FKI sebagai sumber daya insani atau modal insan utama di fakulti juga dipergiatkan. Oleh itu, telah menjadi satu budaya di FKI yang giat dengan aktiviti diskusi, wacana, kolokium termasuk pelaksanaan modul-modul latihan serta bengkel untuk para pensyarah. Pembudayaan ilmu ini, pastinya lebih menyubur apabila dekan FKI sendiri telah dinobatkan sebagai ahli akademik paling aktif dan kerap mengunjungi perpustakaan UniSZA untuk tahun 2014 bersempena Minggu Perpustakaan UniSZA.

Dari segi pencapaian pula, FKI telah dapat mencapai beberapa *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Projek Age Kritikal (CAPs) UniSZA yang meliputi ruang lingkup akademia, penyelidikan dan pembangunan, serta e-pembelajaran. Hal ini mencakupi keterlibatan ahli akademik FKI sebagai pakar rujuk dan panel penilai dengan pelbagai institusi termasuk institusi kewangan, penerbitan dalam jurnal berindeks (penerbitan jurnal atau mana-mana penerbitan hasil kolaborasi dengan universiti atau fakulti lain) dan pelaksanaan kursus mod *blended learning*. Pencapaian jumlah KPI yang meliputi sekurang-kurangnya 95 peratus daripada sasaran yang telah ditetapkan ke atas FKI, ternyata memberi impak secara langsung kepada kecemerlangan pencapaian UniSZA secara keseluruhannya. Prestasi ini diperkukuhkan lagi

dengan penambahan bilangan pensyarah berkelulusan PhD, iaitu seramai sepuluh orang sepanjang tahun 2014.

FKI juga menumpukan usaha ke arah penawaran program baharu. Antaranya ialah program sarjana dengan mod campuran, iaitu Program Sarjana Riqabah Syar'iyah, Sarjana Pendidikan Islam, Sarjana Dakwah serta Sarjana Teologi dan Psikospiritual Islam. Selain itu, fakulti ini juga telah menyelesaikan beberapa siri bengkel semakan semula silibus peringkat diploma di samping meneruskan semakannya di peringkat sarjana muda. Hal ini melibatkan konsultasi dengan panel pakar dan para pemeriksa luar yang terdiri daripada akademia serta pihak industri. Dari sudut pengurusan siswazah, kolokium bulanan atau dwi mingguan yang dijalankan dua sesi sehari, rancak dijalankan dengan partisipasi aktif daripada para akademik.

Selain itu, FKI juga aktif menjalankan aktiviti dengan institusi-institusi yang telah mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan UniSZA. Dalam aspek penyelidikan, para pensyarah FKI telah berjaya mendapatkan geran penyelidikan sama ada Dana Penyelidikan Universiti (DPU), RAGS dan RACE. Manakala, dari sudut penerbitan pula, FKI telah berjaya mencapai KPI dalam penerbitan artikel jurnal terindeks, bab dalam buku serta buku ilmiah. Beberapa terbitan dan buku ilmiah telah dilancarkan semasa *International Symposium on Products of Islamic Civilization* pada 18 September 2014 lalu. FKI juga mencapai KPI dari sudut khidmat perundingan dan kebaktian kepada masyarakat sekeliling terutama dalam membangun dan mengimarahkan institusi masjid dengan program-program dakwah.

Skim Latihan *Small Office Home Office*

Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EGEC) telah menganjurkan satu skim latihan *Small Office Home Office* (SOHO) bertempat di *Innovation and Business Incubator Centre (IBIC)*, Taman Usahawan Muda Pelajar UniSZA (TUMPU) pada 10 - 20 Ogos 2014. Program ini yang merupakan penganjuran bersama dengan *Malaysia Practice Enterprise Centre (MyPEC)* adalah salah satu usaha murni pihak EGEC dalam melahirkan usahawan muda dari kalangan graduan perakaunan.

Skim latihan ini telah dirangka untuk memberikan pendedahan yang luas kepada graduan perakaunan berkenaan alam pekerjaan dan juga pengalaman untuk memulakan perniagaan. Konsep *Learning by Doing* yang diketengahkan dalam skim latihan ini dilihat amat berkesan dalam melatih para graduan kerana proses pembelajaran yang paling berkesan ialah dengan melakukan sendiri. Skim latihan ini telah diselia oleh Timbalan Pengarah EGEC

iaitu Dr. Jamalludin Helmi Hashim dan dibantu oleh 18 orang graduan perakaunan UniSZA bagi menjayakan skim latihan ini.

Skim latihan ini secara tidak langsung berupaya melahirkan graduan yang terlatih, berpengetahuan dan berkualiti dalam menghadapi cabaran alam pekerjaan yang semakin mencabar.



PENGEMUDI

Seiring Hala Tuju UniSZA



PENGEMUDI Barisan Jawatankuasa Penaja 2012-2014



Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA (PENGEMUDI) merupakan ahli gabungan dalam Majlis Pentadbir IPTA Malaysia (MASTI) dan telah bergerak secara aktif mulai tahun 2012. PENGEMUDI berperanan dalam menetengahkan soal kebajikan dan hala tuju kerjaya pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di UniSZA.

Sejarah penubuhan PENGEMUDI secara tidak rasmi bermula pada tahun 2009. Ketika itu usaha untuk mewujudkan sebuah persatuan berdaftar untuk para Pegawai P&P telah tertangguh. Namun begitu bermula pada penghujung tahun 2012, Encik Ahmad Termizi Ab.

Aziz selaku Pengerusi persatuan ini telah melahirkan hasrat dan idea agar dapat menubuhkan sebuah persatuan yang merencanakan aktiviti khusus untuk Pegawai P&P di UniSZA.

PENGEMUDI telah didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 pada 27 Januari 2013 dengan nombor pendaftarannya PPM-004-11-27012013. Ahli Jawatankuasa Penaja yang dilantik pada masa itu adalah seramai 12 orang untuk menguruskan pendaftaran persatuan ini.

Menerusi beberapa siri perjumpaan dan perbincangan serta sokongan padu daripada Pendaftar UniSZA, usaha





telah digerakkan dengan aktif sehingga PENGEMUDI telah berjaya diaktifkan dan digerakkan semula.

Transformasi PENGEMUDI bermula dengan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat (CSR) menerusi penganjuran program amal. Program ini amat penting bagi UniSZA dalam memainkan peranannya bagi membantu masyarakat sekeliling. Ini seiring dengan hasrat Naib Canselor iaitu untuk meningkatkan imej dan peranan UniSZA kepada masyarakat setempat yang sinonim dengan temanya *UniSZA is Everywhere*.

Antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan ialah Program Kutipan Sumbangan Ramadan 2013/1434H yang bermula pada 18-29 Julai 2013 untuk disumbangkan kepada penduduk miskin di Kampung Pengkalan Kubor, anak-anak yatim Asrama PERKAYA, Kampung Kerandang dan penduduk Kampung Jabi, Tembila, Besut, Terengganu.

PENGEMUDI telah berjaya mengumpulkan wang tunai sebanyak RM 10,060 daripada warga UniSZA dan orang perseorangan. Selain daripada wang tunai, sumbangan turut diterima dalam bentuk bahan mentah dan pakaian.

Bagi tahun 2014, PENGEMUDI telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan perjalanan Mesyuarat MASTI Bil.2/2014 dan Mini Seminar Bil.3/2014 yang berlangsung pada 13-15 Mei 2014 yang lalu. Penganjuran di UniSZA kali ini mempunyai kelainan,

dengan adanya program CSR di Kampung Merchang sempena kehadiran delegasi dari seluruh IPTA ini. Program anjuran bersama MASTI ini diisi dengan aktiviti penanaman pokok Kelapa Pandan di persisiran pantai Merchang, mencandat sotong, pemeriksaan kesihatan dan derma darah serta ceramah motivasi kepada pelajar PMR dan SPM yang mendapat sambutan hangat daripada komuniti setempat yang hadir.

Bersempena kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak, PENGEMUDI telah mengambil inisiatif sebagai penggerak dalam memupuk dan mengekalkan budaya mulia dalam kalangan warga UniSZA dengan mengadakan Program Amal Ramadan 2014/1435H.

PENGEMUDI juga telah menyenaraikan beberapa perancangan akan datang antaranya mewujudkan *Global Outreach Programme* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada staf bukan akademik UniSZA meneroka ilmu dan budaya kerja ke peringkat antarabangsa. Selain itu, penganjuran seminar di peringkat antarabangsa untuk melahirkan pentadbir-pentadbir yang serba boleh serta berpengetahuan luas.

"PENGEMUDI We Care, We Serve and We Love"





Academic & Team Building Camp

Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, ESERI (UniSZA), sekali lagi tampil dengan inisiatif khas apabila memperkenalkan Program Saintis Muda Alam Sekitar kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Sains Jeli, Jeli, Kelantan. Program ini telah diadakan selama dua hari bermula 18-19 Jun 2014 di Aura Training Centre, Kandis, Bachok, Kelantan. *Academic & Team Building Camp* ini melibatkan penyertaan lebih 72 orang pelajar tingkatan 5, Sekolah Menengah Sains Jeli, Jeli, Kelantan. Profesor Dr. Sharifuddin Md Zain dari Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM), guru-guru Sekolah Menengah Sains Jeli dan fasilitator dari ESERI juga turut menyertai program ini.

Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini ialah ceramah, penyelidikan dan kajian tentang air sungai serta laut yang terdapat di sekitar kawasan kem penginapan. Para pelajar juga didedahkan kepada pengalaman

sebenar untuk melakukan uji kaji tentang kualiti air dan tahap kebersihannya. Sesi malam pula diisi dengan aktiviti pembentangan kajian tentang kualiti air yang dikaji oleh lapan kumpulan. Setiap kumpulan diwajibkan membentangkan dan memberikan penerangan kepada peserta-peserta lain.

Pengarah ESERI, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, program unik ini dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan bidang sains bagi mengharungi dunia maju pada era globalisasi yang semakin mencabar. Katanya lagi, para pelajar perlu diberikan pendedahan berterusan untuk meningkatkan minat mereka dalam bidang sains dan teknologi kerana ia merupakan teras kepada matlamat untuk bergelar negara maju. Kini, bidang ini amat penting dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah menyatakan bahawa pelajar aliran sains dan teknologi akan diberi keutamaan untuk mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Melalui pengisian tersebut, para pelajar dapat merasai keghairahan untuk mempelajari sains seterusnya meneroka alam sains yang menyeronokkan. Berikutan hal ini, diharapkan masalah kemerosotan minat pelajar untuk mendalami dunia sains dapat diatasi. Usaha ESERI, untuk mencetuskan minat pelajar sekolah dalam bidang sains dan teknologi akan terus dijalankan, malah kajian terperinci terhadap keberkesanan program ini akan dilakukan sebagai asas kepada perancangan program seumpama ini pada masa akan datang.





Majlis Rukyah Hilal Ramadan UniSZA 1435H

Naib Canselor UniSZA Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, telah menyertai Program Cerapan Anak Bulan Ramadan sempena Majlis Rukyah Hilal Ramadan 1435H yang diadakan pada 27 Jun 2014. Program tersebut dilaksanakan di Balai Cerap, UniSZA. Taklimat ringkas majlis rukyah telah disampaikan oleh pegawai bertugas iaitu Encik Syahril Hirman Azmee selaku Pemangku Ketua Unit Falak. Rukyah rasmi telah dijalankan menurut ketetapan. Melalui program ini, dapatan menunjukkan bahawa hitungan hisab bagi hilal didapati masih belum wujud kerana anggota rukyah berdepan dengan keadaan kawasan yang bergununganang. Walau bagaimanapun, rukyah tetap diteruskan sehingga matahari terbenam (Maghrib) bagi



memastikan tiada sebarang kesamaran boleh berlaku bagi penentuan tarikh permulaan Ramadan.



Bengkel Remaja Berkarisma

Masalah tingkah laku devian dalam kalangan remaja sekolah yang semakin berleluasa amat membimbangkan pelbagai pihak. Hal ini kerana mereka mudah terpengaruh dengan rakan sebaya atau mengikut trend terkini yang hanya mementingkan keseronokan duniawi semata-mata. Golongan ini sebenarnya tidak mendapat sokongan daripada individu yang hampir dengan diri mereka untuk membentuk tingkah laku yang baik.

Sehubungan dengan itu, Pusat Islam UniSZA dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Penarek, Setiu telah menganjurkan Bengkel Remaja Berkarisma yang bertemakan 'Bersama Menjaga Maruah Diri'. Tujuan bengkel ini dijalankan adalah untuk membantu golongan pelajar agar lebih menghargai diri sendiri dan orang lain. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar pada 24 September 2014 di Dewan Kuliah Pusat Islam.

Beliau menekankan aspek akal budi dan modal insan gemilang yang merupakan aset bernilai dalam ucapan perasmian. Tambahnya lagi, aspek ini penting dalam usaha untuk mengimarahkan bumi Allah s.w.t.. Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Penarek, Puan Hajah Maznah Ghazali ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya pula, merakamkan penghargaan atas usaha murni Pusat Islam dalam membantu menangani masalah disiplin para peserta. Beliau juga berharap agar program-program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Bengkel sehari ini disertai oleh seramai 40 orang pelajar tingkatan tiga, empat dan lima dengan diringi oleh lima orang guru. Pengarah Pusat Islam UniSZA, Dr. Mohd Shafiee

Hamzah telah mengendalikan bengkel ini dan dibantu oleh pegawai serta kakitangan Pusat Islam.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para peserta tentang tanggungjawab dalam membentuk keperibadian yang mulia dan berwibawa serta cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Bengkel ini juga bertujuan membina dan mengukuhkan lagi peribadi pelajar dengan pelbagai teknik untuk meningkatkan kualiti diri melalui motivasi. Selain itu, bengkel sebegini mampu mewujudkan jalinan kerjasama dan memasyarakatkan UniSZA dengan komuniti pelajar di peringkat sekolah terutama dalam aspek pemantapan sahsiah dan kualiti kecemerlangan diri.

Program sebegini mampu menyentuh jiwa nurani pelajar untuk berubah ke arah kebaikan, bermula daripada diri mereka sendiri dan seterusnya dapat menjadi contoh kepada pelajar lain.



Ekspedisi Meneroka Madu Lebah Tualang Jerteh

Institut AGROPOLIS UniSZA dengan kerjasama UniSZA B-(Bikers) Care buat julung kalinya telah menganjurkan program kembara bermotosikal mencari Madu Lebah Tualang Jerteh yang terkenal dengan khasiat semula jadinya. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA, Prof. Dr. Hj. Mohd Ekhwan Hj. Toriman yang berlangsung pada 24 Ogos 2014. Penduduk setempat dan seramai 29 orang penunggang motosikal berkuasa tinggi dari Kuala Terengganu, Besut, Selangor, Negeri Sembilan dan Putrajaya telah menyertai program ini.

Lebah Tualang yang dikenali sebagai lebah madu gergasi atau Naning dengan nama saintifi nya *Apis Dorsata* dan dalam bahasa Inggeris *giant honey bee* ialah lebah madu yang berkoloni sepanjang Asia Tenggara sehingga Selatan India. Nama Lebah Tualang ini bersempena dengan sarang yang dibina di atas pokok Tualang. Lebah Tualang amat penting kepada ekosistem hutan kerana menjadi agen pendebungaan kepada hampir 50 peratus pokok di Hutan Hujan Tropika. Lebah ini bersifat defensif dan tidak pernah ditenak kerana sarangnya yang bersifat terbuka.

Taklimat mengenai madu lebah dan demonstrasi mengambil madu Tualang dikendalikan oleh Encik Yunus Ismail. Para peserta tidak melepaskan peluang untuk melihat cara madu Tualang diambil dari hutan walaupun mereka kepenatan kerana terpaksa berjalan kaki selama satu jam setengah meredah Hutan Simpan Jerteh. Taklimat ringkas tetapi padat oleh Pengarah AGROPOLIS UniSZA, Dr. Abd Jamil Zakaria telah memberikan banyak pengetahuan kepada para peserta mengenai madu Tualang. Program ini turut mendapat kerjasama ADUN Hulu Besut, YB Haji Nawi Mohamad. Kemudian, perjalanan ekspedisi diteruskan ke Kampung Jeram Linang, Pasir Puteh, Kelantan



untuk meneruskan pencarian madu Lebah Tualang ini. Peserta mula masuk ke Hutan Jeram Linang pada jam dua petang dan ekspedisi berakhir pada jam tujuh malam.

Menurut pemanjat dan pencari madu Lebah Tualang, pada musim ini, bilangan sarang untuk setiap pokok boleh mencapai 30 hingga 60 sarang dan hasil pengumpulan madu boleh mencecah sehingga 20 kg. Beliau yang berpengalaman hampir 20 tahun menyatakan bahawa satu sarang boleh dituai madunya sehingga lima kali dalam masa tiga ke empat minggu. Khasiat yang terdapat dalam madu ini merupakan antara tarikan utama yang menyebabkannya mendapat permintaan ramai dan tidak hairanlah jika harga madu ini boleh mencecah sehingga RM80 sekilo.

Bagi meningkatkan ekonomi pencari madu Lebah Tualang ini, AGROPOLIS UniSZA berhasrat untuk mengkomersilkan madu tualang di bawah jenama 'Madu Tualang Jerteh'. Sebuah kawasan di Pasir Akar telah dikenal pasti sesuai untuk merealisasikan hasrat ini dan AGROPOLIS UniSZA akan menjadi penghubung kepada kajian saintifik madu lebah di alaysia.



ESERI Memeriahkan FeSTI Negeri Terengganu 2014

Selaras dengan usaha UniSZA untuk menjadi pusat ilmu rujukan komuniti, Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) telah mengadakan pameran sempena Festival Sains, Teknologi dan Inovasi (FeSTI) Negeri Terengganu 2014 anjuran Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) pada 27 - 30 Ogos 2014. Pameran ini bertempat di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam, Terengganu. Program ini telah dirasmikan oleh wakil Menteri Besar Terengganu pada 28 Ogos 2014.

Pameran diadakan melalui usahasama Kerajaan Negeri Terengganu melalui Unit Inovasi dan Modernisasi. Program yang dijalankan berorientasikan kepada lima program utama iaitu pameran, Cakap-Cakap Sains, D'Pentas, *Satellite Event* dan *Scientist Zone*. Program ini telah mengukuhkan hubungan antara ESERI dengan komuniti di samping berkongsi kepakaran mengenai kualiti air, udara dan sebagainya.

ESERI dapat memperkenalkan peralatan kajian saintifik dan alat astronomi kepada para pelajar serta komuniti. Melalui program ini, UniSZA telah berpeluang mempromosi peranan ESERI kepada para pelajar dan komuniti.

Melalui pengisian tersebut, para pelajar dapat merasai keghairahan untuk mempelajari sains seterusnya meneroka alam sains yang menyenangkan dan penuh



dengan cabaran. Usaha ESERI untuk mencetus minat pelajar sekolah dalam bidang sains dan teknologi akan terus dikembangkan, malah kajian terperinci terhadap keberkesanan program ini akan dilakukan untuk dijadikan asas kepada perancangan program seumpama ini di masa hadapan.



Pelajar Bersama Komuniti Setiu

Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP), UniSZA dengan kerjasama ahli Jawatankuasa Kampung Merang telah menganjurkan Program Komuniti Pelajar Kokurikulum Bersama Komuniti Parlimen Setiu, Terengganu.

Program yang diadakan pada 14 Julai 2014 di sekitar Kampung Merang dan Kem 1M4U Merang, Setiu ini telah disertai oleh seramai 1,200 pelajar kursus kokurikulum diploma semester pendek, sesi 2014/2015. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar, Penghulu Mukim Merang, Encik Ismadi Ismail, imam dan bilal Masjid Merang, ahli jawatankuasa Kampung Merang serta kakitangan UniSZA yang terlibat.

Pengarah program iaitu Encik Akila Mamat berkata, "tujuan program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar dengan komuniti setempat di samping mengeratkan hubungan antara satu sama lain agar dapat membentuk dan membina ukhuwah serta sahsiah diri yang cemerlang. Dengan adanya program ini, pelajar dapat menimba pengalaman dan menerapkan kemahiran insaniah bagi pembangunan modal insan yang berkualiti. Selain itu, ia dapat meringankan beban golongan keluarga miskin serta dapat mengeratkan hubungan silaturahim warga UniSZA dengan penduduk Kampung Merang," katanya pada program berkenaan.



Sementara itu, salah seorang penduduk kampung yang menerima sumbangan turut mengucapkan terima kasih kepada pihak UniSZA atas keprihatinan dan sumbangan yang diberikan kepada mereka sekeluarga. "Alhamdulillah, terima kasih kepada pihak UniSZA atas bantuan yang diberikan dan sedikit sebanyak dapat membantu untuk menyambut bulan Ramadan yang mulia ini. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut ialah pengagihan sumbangan barangan keperluan sempena Ramadan kepada 20 keluarga miskin Kampung Merang yang terpilih, aktiviti kerohanian, majlis iftar, solat terawih di Masjid Merang dan diakhiri dengan moreh bersama penduduk.



Lawatan Akademik Memperkasa Hubungan UniSZA dengan UNISSA dan UAD

Jalanan kerjasama antara universiti terutamanya di luar negara mampu mengorak langkah ke arah menjadikan sesebuah institusi pendidikan bertaraf global. Sesebuah universiti perlu berusaha mencapai taraf institusi pengajian tinggi antarabangsa dengan melaksanakan pelbagai aktiviti merentasi sempadan negara. Berdasarkan realiti ini, UniSZA telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan beberapa buah universiti luar negara termasuk Universiti Islam Sultan Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Brunei Darussalam dan Universitas Ahmad Dahlan (UAD) di Indonesia.

Bagi memastikan jalinan kerjasama antara UniSZA dengan dua buah universiti tersebut berjalan seperti yang dikehendaki, pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA telah menghantar rombongan akademik ke UNISSA dan UAD untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai usaha kerjasama antara universiti serta menjalankan beberapa program ilmiah berbentuk syarahan akademik dan bengkel pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Pada 19-21 Oktober 2014, rombongan dari FBK yang terdiri daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Zulazhan Ab. Halim dan pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Encik Mohd Shahrizal Nasir telah melawat Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA. Dalam lawatan tersebut, rombongan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan Haji Zainal, mesyuarat bersama pihak Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA yang diketuai oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Dr. Abang Hadzimin Abang Taha, syarahan akademik dan bengkel pembelajaran bahasa Arab kepada para pelajar UNISSA.

Syarahan akademik telah disampaikan oleh Dr. Zulazhan Ab. Halim bertajuk *Isu Kebolehbacaan Teks Arab: Keperluan dan Pengukuran*. Sesi syarahan ini dihadiri oleh warga pendidik dan pelajar UNISSA selain guru-guru bahasa Arab di Brunei Darussalam. Manakala bengkel pengajaran bahasa Arab yang melibatkan para pelajar dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam telah dikendalikan oleh Encik Mohd Shahrizal Nasir dengan tajuk perkongsiannya iaitu *Isu-isu dalam Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Selain wakil dari UniSZA, sesi syarahan dan bengkel turut melibatkan seorang tenaga pengajar dari UNISSA. Program ini telah mendapat liputan meluas dalam media elektronik dan cetak negara Brunei Darussalam.

Rombongan FBK ke Universitas Ahmad Dahlan pula berlangsung pada 20-22 Oktober 2014. Lawatan akademik ini tertumpu kepada dua fakulti di UAD iaitu Fakultas



Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP) dan Fakultas Tarbiyah dan Dirasah Islamiah (FTDI). Rombongan FBK telah diwakili oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Prof. Madya Dr. Normah Yusof, Ketua Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Puan Akmah Yusof dan pensyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Encik Shaferul Hafes Sha'ari.

Mesyuarat antara UniSZA dengan dua fakulti dari UAD yang terlibat berlangsung dalam suasana kerjasama yang erat melibatkan pihak pengurusan fakulti dan ketua-ketua program. Hal ini terbukti apabila fakulti-fakulti yang terlibat dalam mesyuarat yang diadakan telah diwakili oleh pihak pengurusan tertinggi fakulti. Selain itu, lawatan akademik ke UAD dimanfaatkan dengan penyampaian syarahan akademik oleh Prof. Madya Dr. Normah Yusof bertajuk *Leaner Diversity*, manakala dua bengkel pembelajaran bahasa turut diadakan dengan tajuk *English Camp in Enhancing Students' Proficiency* oleh Puan Akmah Yusof dan *Language Acquisition Through Animation Imitation* oleh Encik Shaferul Hafes Sha'ari. Kedua-dua bengkel ini telah disertai oleh para pendidik dan pelajar dari UAD.

Sesi perbincangan mengenai hala tuju jalinan kerjasama antara FBK dengan pihak fakulti di UNISSA dan UAD telah dijalankan pada lawatan kali ini. Fokus perbincangan melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, penganjuran seminar, pertukaran mahasiswa antara universiti bagi menjalankan aktiviti pelajar dan latihan industri serta penyeliaan dan pemeriksaan bagi disertasi pelajar siswazah.

Berdasarkan hasil perbincangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk terus memperkasa hubungan persefahaman dan kerjasama antara UniSZA dengan UNISSA dan UAD.

ASU Jordan Lawat UniSZA

UniSZA telah menerima lawatan delegasi dari *Applied Science Private University (ASU)*, Jordan. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mengadakan perbincangan bagi menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UniSZA dengan ASU dalam beberapa siri kerjasama antara kedua-dua buah universiti.

Kerjasama yang bakal dilaksanakan itu antaranya seperti pertukaran tenaga pengajar pendidikan syariah, penerimaan pelajar dari UniSZA ke ASU dalam bidang pengajian syariah sama ada selama satu tahun atau satu semester serta menjalankan penyelidikan bersama antara dua buah universiti tersebut. Delegasi berkenaan turut dibawa melawat sekitar kampus. Perbincangan dua hala dan pembentangan berkaitan kedua-dua buah universiti turut diadakan di Dewan Senat UniSZA.



UniSZA Terima Kunjungan UNIJA

Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan Perniagaan (FESP) yang dahulunya dikenali sebagai Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) telah menerima kunjungan delegasi dari Universitas Wiraraja (UNIJA) pada 19-21 September 2014. Mengetuai delegasi tersebut adalah Rektor UNIJA, Hajjah Alwiyah bersama Pembantu Rektor, Muhammad Harun dan Ketua Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat (LPPM), Puan Sayyida.

Mereka telah mengadakan perbincangan dengan Dekan FESP, Prof. Dr. Izah Mohd Tahir dan ahli Pengurusan Eksekutif FESP berkaitan perincian program yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan 2015 serta merangka MoU yang akan ditandatangani pada awal tahun hadapan.

Delegasi UNIJA juga dibawa ke Perpustakaan UniSZA untuk melihat sistem dan kemudahan yang terdapat di situ serta lawatan di sekitar Kampus Gong Badak.

Dalam kunjungannya itu, Rektor UNIJA telah memuji akan pengurusan, kemudahan dan kelengkapan yang ada di UniSZA kerana ia memberi kemudahan kepada pelajar



untuk belajar dalam keadaan yang selesa bagi mendapat segala maklumat serta informasi terkini.

Pihak FESP berharap kerjasama dengan UNIJA dapat merencanak pelbagai aktiviti penyelidikan dan akademik yang melibatkan pensyarah dan pelajar bagi memperkenalkan nama UniSZA di Indonesia serta pemasaran dalam usaha kemasukan pelajar antarabangsa.

Pertandingan Memancing Meriahkan Program Sehari Bersama Naib Canselor dan Pengurusan Tertinggi UniSZA



Saudara Muhamad Faizol Kamaluddin muncul juara Pertandingan Memancing bersempena Program Sehari Majlis Badan Beruniform Bersama Naib Canselor dan Pengurusan Tertinggi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) apabila berjaya mendaratkan ikan Balanok dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM300 dan sebuah LED TV Hisense 32 inci.

“Saya merasakan program berbentuk pertandingan memancing ini adalah satu kelainan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) dalam mengeratkan hubungan pelajar dengan pihak pengurusan di UniSZA. Saya sangat berterima kasih kepada pihak penganjur kerana menyediakan hadiah yang hebat dan sangat berbaloi dengan bayaran RM10 sahaja untuk satu joran”, ujar beliau yang merupakan anggota Kor-SUKSIS UniSZA.

Program yang dianjurkan oleh PPHP dengan kerjasama Majlis Badan Beruniform dan UniSZA Best Talent (UniBETA) telah berlangsung pada 19 September 2014 di 1M4U Outreach Camp, Merang, UniSZA. Perasmian program telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UniSZA, Prof. Madya Dr. Nik Wan Nik Omar.

Antara objektif utama program ini adalah untuk mendekatkan dan merapatkan ukhuwwah mahasiswa dengan pihak pengurusan UniSZA, mempersiapkan pembangunan holistik mahasiswa melalui pembentukan pemikiran yang membina dan kreatif di samping memupuk nilai kepimpinan dan

inovasi dalam mengusahakan sesuatu program.

Pemenang tempat kedua yang menawarkan hadiah wang tunai RM200 dan sebuah basikal pula dimenangi oleh Saudara Mohamad Zahin Ibrahim yang merupakan anggota Kor-Askar Wataniah UniSZA dengan mendaratkan ikan Kitang. “Saya tidak menyangka pada saat akhir membolehkan saya mendapat tempat kedua. Saya berharap pihak PPHP akan menganjurkan program ini pada masa akan datang kerana ianya dapat mengeratkan ukhuwwah di antara pihak bawahan dan atasan,” katanya yang sangat bersyukur dengan kemenangan yang diperoleh. Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Saudara Muhamad Faizul Azimi Mamat dari Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan yang turut merupakan pelajar kursus Asas Pengucapan Awam. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM100 dan sebuah dapur gas.

Hadiah-hadiah utama tersebut telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Sumberbio dan Industri Makanan, Prof. Madya Dr. Kamarul'Ain Mustafa.

“Selain tiga pemenang utama, pihak penganjur juga menyediakan pelbagai hadiah berupa barangan elektrik kepada peserta yang mendapat tempat keempat hingga ke-30. Program ini turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah dan Pertandingan Memancing Darat untuk kanak-kanak yang turut mendapat sambutan,” jelas Pengarah PPHP, UniSZA, Encik Shahzool Hazimin Azizam.

Menurutnya lagi, pertandingan ini telah mendapat sambutan dan kerjasama yang amat menggalakkan serta mencapai objektif program walaupun ia berkonsepkan santai.





BIMB Serah Zakat Kepada UniSZA

UniSZA telah menerima zakat perniagaan sebanyak RM30,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang telah disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat kepada Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim.

Datuk Seri Zukri berkata, jumlah keseluruhan zakat BIMB bagi 2013 adalah sebanyak RM12 juta meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu RM9 juta dan diagihkan kepada pusat zakat seluruh negeri.

“Daripada jumlah ini, sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk diagihkan kepada 30 buah universiti di semua negeri.”

Jumlah zakat yang diserahkan kepada universiti bergantung kepada saiz dan keperluan universiti dari RM30,000 hingga RM35,000, katanya.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, UniSZA juga akan mewujudkan Tabung Kursi Sultan Mizan (TKSM) bagi membiayai pelbagai program di universiti termasuk projek penyelidikan.

Pihak UniSZA memerlukan dana sekurang-kurangnya RM5 juta bagi mewujudkan TKSM itu. “Kami menawarkan kepada semua pihak untuk menyumbang dana yang diperlukan TKSM ini. Dana yang ditaja ini bukan bermaksud akan dibawa kepada UniSZA tetapi ia akan disimpan di bank terpilih. Keuntungan atau faedah hasil perniagaan daripada dana ini akan digunakan UniSZA untuk pembiayaan program di universiti,” katanya pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) kepada UniSZA di sini.



UniSZA Terima 1,300 Pelajar Baharu

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah menganjurkan Majlis Perasmian Minggu Mesra Mesra Siswa pada 2 September 2014 bertempat di Dewan Gimnasium, UniSZA Kampus Gong Badak.

Majlis ini dianjurkan bersempena Minggu Mesra Siswa yang bermula 1 - 5 September 2014 yang melibatkan seramai 1,300 pelajar baharu kemasukan ijazah Sesi 2014/2015. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim dan turut dihadiri Pengurusan Tertinggi UniSZA.

Prof. Dato' Wira Dr. Ismail dalam ucapan beliau menyatakan bahawa UniSZA kini telah mendapat tempat dalam kalangan pelajar sebagai pilihan pertama dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada yang telah berjaya melanjutkan pengajian di UniSZA. Beliau turut menasihati para pelajar yang terpilih agar berusaha dengan tekun sehingga berjaya dengan cemerlang dalam proses menuntut ilmu.



Program Menteri Mentor UniSZA



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah menganjurkan Program Bersama Menteri Mentor pada 25 September 2014 bertempat di Dewan Gimnasium, UniSZA Kampus Gong Badak. Mejar Jeneral (B) Datuk Seri Jamil Khir Baharom selaku Menteri Mentor UniSZA, menyatakan bahawa beliau sangat berharap agar mahasiswa UniSZA berusaha gigih demi menjadikan UniSZA sebagai antara sepuluh universiti terbaik dalam negara. Mahasiswa UniSZA digesa agar meningkatkan kefahaman mengenai matlamat kerajaan dalam pentadbiran yang patuh syariah agar dapat menyumbang idea serta tenaga dalam pelaksanaannya. "Pertama, jadikan UniSZA ini sebagai pusat pendidikan Islam yang moden

setanding dengan universiti terkenal di Asia dan kedua jadikan fakulti perubatan di sini sebagai fakulti yang hebat dalam melahirkan ramai pakar kesihatan dan perubatan. Seterusnya, tingkatkan kualiti kajian yang hasilnya dapat dinikmati bersama masyarakat," katanya.

"Saya, sebagai menteri mentor untuk UniSZA sangat berharap agar mahasiswa bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan untuk memastikan matlamat ini tercapai. Melalui indeks syariah ini, kita boleh mengukur sejauh mana kepatuhan kita dalam konteks syariah dan jika ada kekurangan, masih boleh ditingkatkan dan ini memerlukan pemahaman dan sokongan daripada golongan belia, terutama mahasiswa," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan pada Ogos 2014, bahawa Malaysia akan menggunakan indeks syariah bagi mengukur pencapaian sesebuah negara dalam melaksanakan tuntutan syarak yang akan diguna pakai mulai Januari tahun depan.

Melalui indeks syariah itu, kepatuhan negara dalam pelaksanaannya dapat dinilai dan dibuat perbandingan dengan negara-negara Islam yang lain, sekaligus menghentikan polemik berhubung status Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Indeks syariah yang komprehensif itu sedang dibangunkan, diterajui oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).



Sekalung Tahniah

buat

Graduan UniSZA 2014

Ikhlas daripada
Pengurusan Tertinggi dan Warga UniSZA





Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah

Penulis: Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali @ Salim, Nasir Mohamad, Wan Mohd Yusof Wan Chik, Norhilmi Muhammad, Fazida Karim
ISBN 978-983-9842-81-4

Harga: RM25.00

Abstrak

Maqasid Syariah terdiri daripada lima aspek kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta memainkan peranan penting dalam menjamin kehidupan manusia bagi mencapai kehidupan yang lebih berkualiti di dunia dan akhirat. Menjaga kelima-lima aspek kehidupan tersebut menjamin kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Terdapat tiga peringkat *Maqasid Syariah* iaitu *dharuriyyat* (asas), *hajiyyat* (asas), *hajiyyat* (keselesaian) dan *tahsiniyyat* (kesempurnaan). Peringkat *dharuriyyat* merupakan suatu kemestian bagi menjalani kehidupan. Manakala, peringkat *hajiyyat* merupakan aspek yang mendatangkan kemudahan dan keselesaian kepada kehidupan. *Tahsiniyyat* pula merupakan aspek kesempurnaan atau keindahan dalam menjalani kehidupan. Pendekatan *Maqasid Syariah* dalam pengukuran kualiti hidup adalah lebih lengkap berbanding dengan pendekatan teori Maslow kerana pendekatan *Maqasid Syariah* menjaga kepentingan awam, menyentuh aspek agama serta menjamin keadilan. Walau bagaimanapun, kedua-dua pendekatan ini menyentuh mengenai memenuhi keperluan individu.




Qiraat

Penulis: Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad, Mohd Shahril Othman, Ab. Aziz Sulaiman
ISBN 978-967-12613-3-0

Harga: RM37.00

Abstrak

Ilmu qiraat merupakan salah ilmu al-Quran yang semakin mendapat perhatian dewasa ini. Kebiasaan masyarakat Islam di Malaysia tidak mempunyai pengetahuan yang tepat berkenaan disiplin ilmu qiraat sehinggalah ilmu ini hanya dikaitkan dengan seni keindahan suara dan alunan bacaan al-Quran (*tarannum*) semata-mata. Perbincangan menyeluruh tentang ilmu qiraat amat perlu diketengahkan agar perkembangan ilmu qiraat dan pengetahuan masyarakat Islam yang tepat berkenaan ilmu tersebut boleh berlaku secara seimbang. Oleh itu, kemunculan buku ini dengan perbincangan isu-isu utama dalam pengajian ilmu qiraat menepati kehendak semasa dan dipercayai mampu membantu mewujudkan masyarakat yang celik ilmu qiraat.



Psikospiritual Islam

Penulis: Mohd Shahril Othman, Mohd Safri Ali, Berhanuddin Abdullah, Tasnim Abdul Rahman
ISBN 978-983-9842-83-8

Harga: RM28.00

Abstrak

Psikospiritual Islam merupakan satu konsep pengabdian dan penyerahan kepada Tuhan yang Maha Agung. Ia menjadi wasilah bagi seseorang hamba merawat jiwa atau rohaninya dengan berpandukan kepada manual yang ditetapkan Allah s.w.t. melalui wasilah yang ditetapkan ini, diri, jiwa dan roh seseorang manusia akan stabil dan sukar untuk diselewengkan ke arah kegelapan. Oleh kerana itu, konsep Psikospiritual Islam sangat menepati fitrah asal kejadian manusia sehingga perbincangan mengenainya semakin mendapat tempat dalam kalangan penyelidik akademik di institusi pengajian tinggi tempatan dewasa ini.

Penghayatan terhadap konsep Psikospiritual Islam secara hakiki menjadi pemangkin yang membantu seseorang muslim merasai kehadiran pengawasan dan pemerhatian Allah s.w.t. dalam segenap amalan atau perbuatan yang dilakukan tanpa mengira masa dan tempat. Hal ini dapat membantu hati untuk sentiasa mengingati Allah s.w.t. tanpa disedari, seorang Muslim dapat merealisasikan konsep *tadabbur* dan penghayatan makna kandungan al-Quran dalam agenda hariannya. Malahan, ia turut menyuntik sifat ikhlas secara maksimum bagi individu Muslim dalam memperjuangkan kedaulatan Islam yang dipandu dengan *wasatiyyah* Islam. Pada masa yang sama, ia dapat menghindarkan aspek negatif dalam perjuangan agama seperti menggalakkan ke arah perpecahan ataupun pembunuhan dalam kalangan ummah.